Isnin
7 September 2026
25 Rabiulawal 1448H

Utusan Borneo
PPK 220/12/2012 (031414)
Citra Generasi Prihatin

Sistem hospital diperkemas tangani masa menunggu pesakit 2
Sepilok Jazz mampu jadi tarikan pelancongan antarabangsa 6
Penduduk desak pemaju tampil selesaikan isu parkir 8
Gauff mara ke pusingan keempat 5

Email: utusanborneokk@gmail.com

BIMBING TERUS SAUDARA BAHARU

• Tanggungjawab terhadap mualaf tidak berakhir selepas syahadah: Hajiji

KOTA KINABALU: Tanggungjawab terhadap saudara baharu tidak terhenti selepas mereka melafazkan dua kalimah syahadah, sebaliknya memerlukan bimbingan, perhatian, kasih sayang dan sokongan berterusan.

Ketua Menteri, Datuk Seri Panglima Hajiji Haji Noor berkata, saudara baharu perlu terus disantuni menerusi pendidikan agama, bimbingan kerohanian, kebajikan, pembangunan ekonomi, latihan kemahiran serta sokongan sosial.

Menurutnya, ia supaya mereka mampu menjalani kehidupan sebagai seorang Muslim dengan penuh keyakinan, ketenangan dan istiqamah.

"Kita mahu melahirkan mualaf yang bukan sahaja memahami Islam, tetapi merasai keindahan Islam; bukan sahaja menjadi penerima, tetapi akhirnya mampu menjadi penyumbang; bukan sahaja dibimbing, tetapi suatu hari nanti mampu membimbing orang lain," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Perasmian Penutupan dan Penyampaian Hadiah Ijtima' Amal Islami Mualaf MADANI (IJMAM) Peringkat Kebangsaan Tahun 2026, di sini kelmarin.

Hajiji berkata, IJMAM bukan sekadar pertandingan atau perhimpunan, sebaliknya wadah untuk memperkukuh kefahaman Islam, mencungkil bakat, membina keyakinan diri, membentuk jati diri serta mengeratkan ukhuwah dalam kalangan saudara baharu dari seluruh Malaysia.

Katanya, tema 'Memperkasa Mualaf, Memperkukuh Ummah' membawa mesej jelas bahawa pembangunan mualaf adalah sebahagian daripada agenda besar pembangunan ummah.

Menurutnya, dalam konteks Sabah yang kaya dengan kepelbagaian etnik, budaya, bahasa dan agama. Pendekatan dakwah hendaklah sentiasa dilaksanakan dengan hikmah, kasih sayang, kesederhanaan, kebijaksanaan dan menghormati kepelbagaian masyarakat.

"Islam yang kita dakwahkan hendaklah dizahirkan melalui akhlak. Islam yang kita perjuangkan hendaklah diterjemahkan melalui perbuatan.

Dan Islam yang kita hayati hendaklah melahirkan masyarakat yang aman, penyayang, saling menghormati dan saling membantu," katanya.

Hajiji berkata, kerajaan negeri akan terus menyokong usaha yang dapat memperkasa masyarakat termasuk komuniti mualaf supaya mereka mempunyai peluang untuk maju dan berdikari.

Katanya, mereka juga boleh menyumbang kepada pembangunan negeri serta negara, selaras aspirasi Sabah Maju Jaya yang memberi penekanan kepada pembangunan modal insan dan kesejahteraan rakyat secara inklusif.

Pada masa sama, Hajiji berharap peserta dari seluruh negara memanfaatkan kesempatan berada di Sabah untuk mengenali keindahan dan keunikan negeri itu, termasuk khazanah alam semula jadi, budaya, adat resam dan masyarakatnya yang hidup dalam suasana harmoni.

Katanya, keindahan Sabah bukan hanya terletak pada alam semula jadi, tetapi juga pada rakyatnya yang terkenal dengan keramahan, semangat kekitaan, kepelbagaian budaya dan kehidupan masyarakat yang saling menghormati.

"Saya berharap para peserta IJMAM dari seluruh Malaysia bukan sahaja membawa pulang hadiah dan kenangan daripada program ini, tetapi turut membawa pulang satu pengalaman bahawa Sabah ialah negeri yang indah alamnya, kaya budayanya, mesra rakyatnya dan besar potensinya," katanya.

Hajiji berkata, apabila sektor pelancongan, budaya, ekonomi dan pembangunan insan bergerak seiring, manfaatnya akan kembali kepada rakyat menerusi peluang kepada usahawan, pengusaha kecil, penggiat seni dan budaya, komuniti luar bandar serta generasi muda untuk menjana pendapatan dan membina masa depan lebih baik.

Beliau turut menyeru saudara baharu supaya tidak membiarkan semangat IJMAM berakhir selepas program itu, sebaliknya terus hidup dalam keluarga, masyarakat dan usaha membangunkan ummah.

"Jadilah saudara baharu yang bukan sahaja menerima bimbingan, tetapi pada suatu hari nanti mampu pula menjadi pembimbing. Jadilah pendakwah. Jadilah pemimpin. Jadilah inspirasi. Dan jadilah bukti bahawa hidayah Allah mampu mengubah kehidupan seseorang menjadi lebih baik dan lebih bermakna," katanya.

TAHNIAH: Hajiji menyampaikan hadiah kepada pemenang sempena majlis Perasmian Penutupan dan Penyampaian Hadiah Ijtima' Amal Islami Mualaf MADANI (IJMAM) Peringkat Kebangsaan Tahun 2026, pada Sabtu.

Gangguan bekalan simen dijangka pulih bulan ini

KOTA KINABALU: Gangguan bekalan simen di pasaran Sabah dijangka pulih pada pertengahan bulan ini.

Pengurus Besar CIS, Sumardi Mohd Yusuf berkata, Cement Industries (Sabah) Sdn Bhd (CIS) memaklumkan berlaku gangguan bekalan simen di pasaran ketika ini.

Katanya, ia berikutan kerja-kerja pembaikan dan penyelenggaraan kilang simen CIS di Teluk Sepangar, dekat sini.

Menurutnya, selain kerja penyelenggaraan, kelewatan ketibaan kapal yang membawa bahan mentah klinker dan simen pukal turut menyumbang kepada gangguan bekalan di pasaran.

SUMARDI

Beliau berkata, kelewatan itu berlaku susulan keadaan cuaca kurang baik di pelabuhan kilang pembekal bahan berkenaan.

"Kerja-kerja pembaikan dan penyelenggaraan kilang telah berjaya disiapkan pada 4 September 2026, dan CIS kini sedang berusaha meningkatkan semula pengeluaran serta bekalan simen ke pasaran.

Lihat Muka 7

133 PTI ditahan dalam 20 operasi di Sabah

Oleh Hamzah Sanudin

KOTA KINABALU: Seramai 133 pendatang tanpa izin (PTI), termasuk 27 kanak-kanak, ditahan Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) Sabah dalam 20 operasi penguatkuasaan di seluruh negeri, bermula 27 Ogos hingga 3 September lalu.

Pengarah Imigresen Sabah, Datuk Sitti Saleha Habib Yussof berkata, sebanyak 289 individu diperiksa sepanjang operasi berkenaan yang dijalankan di pelbagai lokasi strategik.

Lihat Muka 7

TANGKAP: Antara PTI yang berjaya ditahan JIM Sabah dalam operasi penguatkuasaan di seluruh negeri.

Peruntukan RM8.24 juta perkasa wanita di Sabah

Oleh Hamzah Sanudin

TAWAU: Peruntukan RM8.24 juta yang disediakan Kerajaan Negeri Sabah kepada Jabatan Hal Ehwal Wanita Sabah (JHEWA) tahun ini akan dimanfaatkan bagi memperkukuh pelbagai program pemerkasaan wanita, termasuk golongan di luar bandar dan pedalaman.

Pembantu Menteri Wanita, Kesihatan dan Kesejahteraan Rakyat, Datuk Rina Jainal berkata, pihaknya berharap peruntukan bagi program berkenaan dapat ditingkatkan dari semasa ke semasa bagi membolehkan lebih banyak inisiatif dilaksanakan.

Katanya, peningkatan peruntukan yang diumumkan kerajaan negeri baru-baru ini juga memberi ruang untuk usaha memperkasakan ekonomi wanita, khususnya mereka yang masih tercicir daripada mendapat manfaat pembangunan.

"Dari segi peruntukan, memang kita mengharapkan ada lebih banyak peruntukan dapat dipertingkatkan dari semasa ke semasa.

"Bagaimanapun, ada peningkatan juga yang diumumkan Ketua Menteri baru-baru ini dan ini akan kita teruskan untuk mempertingkatkan serta memperkasakan lagi ekonomi di peringkat luar bandar," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas merasmikan Program Jiwa@Komuniti MADANI Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia peringkat Dewan Undangan Negeri (DUN) Kukusan di Kampung Muhibbaraya, di sini semalam. Turut hadir Pegawai Penerangan Daerah Tawau, Hendry Nurdin.

SEMANGAT: Rina dan Henry bersama komuniti yang terlibat mengibarkan Jalur Gemilang sempena Program Jiwa@Komuniti MADANI Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia peringkat Dewan Undangan Negeri (DUN) Kukusan, semalam.

Rina berkata, pendekatan pelaksanaan program akan lebih berorientasikan hasil bagi memastikan golongan yang memerlukan benar-benar menerima bantuan dan sokongan sewajarnya.

Menurutnya, pihak kementerian juga sedang memperkemas sistem penyampaian dan pemprosesan bantuan supaya pelbagai inisiatif kerajaan dapat disalurkan dengan lebih berkesan kepada kumpulan sasaran.

"Program-program yang sangat berorientasikan hasil ini memastikan golongan yang masih lagi tercicir mendapat bantuan dan sokongan.

"Ini yang kita cuba murnikan daripada segi sistem pemprosesan dan pada masa sama memantapkan usaha untuk memperkasakan kesejahteraan rakyat," katanya.

Dalam pada itu, Rina berkata, program berbentuk jangkauan luar atau 'outreach' sememangnya banyak dilaksanakan, termasuk di kawasan luar bandar dan pedalaman.

Bagaimanapun, katanya, masih terdapat masyarakat yang kurang mendapat maklumat mengenai program dan bantuan yang disediakan kerajaan.

"Disebabkan itulah tanggungjawab Jabatan Penerangan untuk terus memastikan maklumat mengenai aktiviti dan program yang dapat memperkasakan rakyat ini sampai kepada masyarakat.

"Integrasi dengan jabatan-jabatan kerajaan dan semua pihak untuk membawa program yang bermanfaat seperti ini akan terus kita usahakan," katanya.

Beliau berkata, kerjasama antara agensi kerajaan dan komuniti penting bagi memastikan manfaat pelbagai program pemerkasaan dapat dirasai lebih meluas, terutama oleh golongan wanita yang memerlukan sokongan.

Lihat Muka 7

Waktu Solat

Imsak Subuh Zohor Asar Maghrib Isyak

Pantai Barat (Kota Kinabalu)	4:50 am	5:00 am	12:18 pm	3:23 pm	6:24 pm	7:34 pm
Bandar Sandakan, Bukit Garam, Semawang, Tomanggong, Bukit Garam dan Kinabatangan (Zon I)	4:43 am	4:53 am	12:10 pm	3:16 pm	6:16 pm	7:26 pm
Sandakan (Barat) Terusan, Beluran, Kuamut, Paitan, Telupid, Tongod dan Pinangah (Zon II)	4:47 am	4:57 am	12:14 pm	3:20 pm	6:20 pm	7:30 pm
Tambisan, Sahabat, Tungku, Semporna, Silabukan, Lahad Datu dan Kunak (Zon III)	4:41 am	4:51 am	12:08 pm	3:15 pm	6:14 pm	7:24 pm
Tawau (Barat) Balong, Bandar Tawau, Pulau Sebatik, Merotai dan Kalabakan (Zon IV)	4:45 am	4:55 am	12:12 pm	3:19 pm	6:17 pm	7:26 pm
Kudat, Kota Marudu, Pitas, Pulau Banggi (Zon V)	4:46 am	4:56 am	12:14 pm	3:18 pm	6:21 pm	7:31 pm
Pensiangan, Nabawan, Sook, Sepulut, Tambunan dan Keningau (Zon VIII)	4:50 am	5:00 am	12:17 pm	3:23 pm	6:22 pm	7:32 pm
Tenom, Long Pasia, Membakut, Beaufort, Kuala Penyu, Weston, Menumbok dan Sipitang (Zon IX)	4:52 am	5:02 am	12:19 pm	3:25 pm	6:25 pm	7:35 pm

Diterbitkan oleh: Harian Borneo Sdn. Bhd. (No Syarikat 235591-D) & Dicetak oleh See Hua Daily News (S) Sdn. Bhd. (No Syarikat 202484-T) Editorial Tel: 088-318991, Fax: 088-315991: Pemasaran Tel: 088-318811, Fax: 088-318399

Sistem hospital diperkemas tangani masa menunggu pesakit

Penambahbaikan sistem pengurusan dilaksana di peringkat pentadbiran

Oleh Hamzah Sanudin

TAWAU: Kementerian Wanita, Kesihatan dan Kesejahteraan Rakyat sedang memperkemas sistem pengurusan hospital bagi menangani isu kesesakan serta masa menunggu pesakit yang panjang, termasuk di hospital daerah dan luar bandar.

Pembantu Menteri Wanita, Kesihatan dan Kesejahteraan Rakyat, Datuk Rina Jainal, berkata isu berkenaan bukan hanya berlaku di Tawau, malah turut dihadapi hospital di kawasan bandar termasuk Kota Kinabalu yang mempunyai kepadatan pesakit dan pelawat tinggi.

Katanya, beberapa penambahbaikan sistem pengurusan sudah dilaksanakan di peringkat pentadbiran hospital bagi memastikan penyampaian perkhidmatan kepada pesakit dapat diselaraskan dengan lebih berkesan.

"Benda ini sudah saya bincangkan di peringkat Hospital Daerah Tawau. Sebenarnya isu ini bukan hanya di peringkat daerah Tawau, malah di mana-mana lagi, terutama di bandar besar seperti Kota Kinabalu sendiri yang mempunyai masalah sangat serius.

"Ini memang isu yang kita cuba mendapatkan solusi lebih baik walaupun dalam jangka masa pendek," katanya.

PENGHARGAAN: Rina menyampaikan sijil penghargaan kepada wakil komuniti yang terlibat dalam menjayakan program berkenaan.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas merasmikan Program Jiwa@Komuniti MADANI Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia peringkat Dewan Undangan Negeri (DUN) Kukusan, semalam.

Rina berkata, antara tumpuan kementerian adalah memastikan perubahan yang dibuat di peringkat pentadbiran dan pengurusan hospital dapat membantu menyeragamkan sistem serta memperkemas pengurusan pesakit.

Menurutnya, langkah berkenaan penting bagi memastikan tiada pesakit yang tercicir atau tidak mendapat perhatian sewajarnya ketika mendapatkan rawatan.

"Daripada peringkat pentadbiran dan pengurusan sendiri, ada banyak sistem yang telah direform dan diubah untuk memastikan, menyeragamkan apa yang telah dicadangkan.

"Setakat ini tidak ada lagi laporan bahawa pesakit tidak dilayani atau tidak mendapat perhatian," katanya.

Dalam pada itu, Rina mengakui isu masa menunggu panjang masih menjadi kebimbangan, terutama apabila hospital berdepan jumlah pesakit yang tinggi dan kekurangan kakitangan.

Bagaimanapun, beliau berkata keadaan itu masih dapat ditangani menerusi sistem pengurusan yang sedang diperkemas.

"Walaupun isu ini menjadi satu kebimbangan kita dari segi pesakit yang menunggu dengan sangat sibuk disebabkan kekurangan kakitangan, bagaimanapun isu ini masih dapat ditangani.

"Belum ada lagi laporan bahawa pesakit tidak dapat dilayani dan sebagainya," katanya.

PROAKTIF: Masidi bersama barisan kepimpinan baharu Gagasan Rakyat Bahagian Ranau yang menggabungkan pengalaman dan kepimpinan yang lebih proaktif.

Gagasan Rakyat Ranau tampil kepimpinan baharu yang proaktif

RANAU: Parti Gagasan Rakyat Sabah (Gagasan Rakyat) Bahagian Ranau kini tampil dengan barisan kepimpinan baharu yang menggabungkan pengalaman dan kepimpinan yang lebih proaktif.

Langkah itu bagi memperkukuh organisasi di Parlimen Ranau yang meliputi tiga Dewan Undangan Negeri (DUN), iaitu Karanaan, Kundasang dan Paginatan

Ketua Bahagian (Penaja) Gagasan Rakyat Ranau, Datuk Seri Panglima Masidi Manjun kekal menerajui bahagian itu, manakala Datuk Amisah Yassin sebagai Timbalan Ketua Bahagian Gagasan Rakyat Ranau.

Turut dipilih dalam barisan kepimpinan baharu itu, Johari Suhaimin (Naib Ketua) dan Samsul Amar Jaimin sebagai Setiausaha Bahagian.

Bagi sayap parti, Mohd Sharin Mujin menerajui Pergerakan Pemuda, Jalisa Nasiri sebagai Ketua Pergerakan Wanita, manakala Norhajiah Ropotoh mengetuai Pergerakan Beliawanis.

Masidi berkata, penyusunan itu merupakan usaha memperkemas struktur organisasi parti di peringkat bahagian, di samping memperluas penglibatan pelbagai lapisan masyarakat dalam pelaksanaan program dan aktiviti di kawasan berkenaan.

Katanya, gabungan pengalaman dan semangat kepimpinan yang tinggi itu turut memberi ruang kepada parti untuk memperkukuh pendekatan mendekati masyarakat, memahami keperluan setempat serta menyelaras aspirasi penduduk di ketiga-tiga DUN.

"Penglibatan golongan muda dan wanita dalam barisan kepimpinan turut dilihat mampu membawa perspektif baharu serta memastikan kesinambungan organisasi parti di Ranau," katanya.

Sehubungan itu, pihaknya berharap barisan kepimpinan berkenaan dapat membawa pendekatan lebih dinamik dan tersusun, selain menyokong agenda pembangunan serta kepentingan masyarakat Ranau.

Raih tempat ketiga Miss World 2026, Taanusiya Chetty ulangi pencapaian 28 tahun lepas

KUALA LUMPUR: Wakil Malaysia Taanusiya Chetty mengulangi pencapaian negara 28 tahun lepas apabila meraih tempat ketiga pada pertandingan akhir Miss World 2026 yang berlangsung di Nha Trang, Vietnam malam kelmarin.

Juara milik Joheirry Mola Dominguez dari Republik Dominika manakala di tempat kedua Elisabeth Reynes Alabern dari Sepanyol.

Taanusiya, 26, merangkul gelaran utama itu selepas mempamerkan persembahan memukau dan konsisten sepanjang pertandingan yang berlangsung hampir sebulan sekali gus mengetepikan cabaran 110 peserta lain dari seluruh dunia.

Kejayaan tersebut menyamai rekod Lina Teoh yang turut meraih tempat ketiga pada Miss World 1998 sekali gus menjadikan kedua-dua wakil Malaysia itu antara peserta negara dengan pencapaian terbaik dalam sejarah pertandingan berkenaan.

Selain Lina, rekod cemerlang wakil negara sebelum ini turut dicatat oleh Rahimah Orchient Yayah yang mara ke kelompok 10 terbaik pada 1994 manakala Deborah Henry berjaya menempatkan diri dalam kelompok 16 terbaik pada 2007. — Bernama

Tiada keperluan bubar Parlimen selagi PM Anwar ada sokongan majoriti

PUTRAJAYA: DAP berpendirian tiada keperluan untuk Kerajaan Perpaduan membubarkan Parlimen selagi Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim mempunyai sokongan majoriti di Dewan Rakyat.

Setiausaha Agung DAP Anthony Loke Siew Fook berkata Kerajaan Perpaduan telah dibentuk atas persefahaman selepas Pilihan Raya Umum Ke-15 (PRU15) dan menerima mandat bagi Ahli Parlimen parti masing-masing selama lima tahun.

"Selepas PRU lepas, beberapa pihak, beberapa gabungan atas nasihat daripada Yang di-Pertuan Agong pada ketika itu telahpun membentuk Kerajaan Perpaduan ini.

"Selagi persefahaman itu masih dikekalkan dan ada sokongan majoriti Ahli Parlimen, tidak ada keperluan untuk membubarkan Parlimen pada ketika ini kerana tempoh Parlimen ini masih ada 15 bulan sehingga hujung tahun depan," katanya di sini, semalam.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas merasmikan Kongres Kebangsaan Wanita DAP 2026 yang turut dihadiri Ketua Wanita Kebangsaan DAP Teo Nie Ching di sini.

LOKE

Loke berkata tempoh 15 bulan itu perlu digunakan bagi melaksanakan perubahan dan agenda yang disepakati oleh gabungan dalam Kerajaan Perpaduan.

Beliau berkata perubahan dan agenda itu termasuk beberapa pindaan Perlembagaan Persekutuan iaitu pemisahan peranan Peguam Negara dan Pendakwa Raya yang telah dipersetujui di peringkat Jemaah Menteri dan dibawa ke Parlimen.

"Agenda untuk menghadkan tempoh dua penggal iaitu 10 tahun bagi Perdana Menteri, itu telahpun dipersetujui Jemaah Menteri malah pernah dibawa ke Parlimen.

"Jadi ini dua perkara besar yang seharusnya menjadi tumpuan kerajaan dalam persidangan Parlimen yang akan datang selain daripada pembentangan Belanjawan 2027," katanya.

Beliau berkata fokus utama kerajaan pada ketika ini sepatutnya pelaksanaan agenda reformasi yang dijanjikan dan bukannya memikirkan berkenaan dengan pilihan raya.

Sementara itu, berkaitan hubungan antara parti komponen, Loke berkata tiada masalah yang timbul berikutan kesemua parti masih berada dalam Kerajaan Perpaduan ketika ini.

"Sudah tentu bagi parti-parti politik, tiada pihak yang boleh menghalang mana-mana parti politik atau ahli politik daripada berpolitik... Jadi bagi kami, kecuali parti membuat keputusan untuk mengatakan mereka tidak lagi menyokong Perdana Menteri semasa atau kerajaan semasa, itu adalah cerita yang berbeza.

"Selagi komitmen itu masih ada, parti-parti yang menyokong pembentukan semasa, kerajaan semasa, Perdana Menteri semasa, tidak ada sebab untuk Parlimen dibubarkan kerana Perdana Menteri masih memperoleh sokongan majoriti Ahli Parlimen," katanya. — Bernama

LAWAT: Zainudin (dua dari kiri) melawat salah satu reruai yang ada pada majlis itu.

HADIAH: Zainudin (tiga dari kanan) menyerahkan hadiah utama kepada pemenang cabutan bertuah pada majlis itu.

Keluarga sejahtera asas perkhidmatan awam cemerlang: Zainudin

KOTA KINABALU: Keluarga yang sejahtera merupakan asas kepada perkhidmatan awam yang cemerlang.

Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Zainudin Aman berkata, keharmonian yang bermula di rumah dapat membantu meningkatkan dedikasi dan mutu penyampaian tugas perkhidmatan awam.

"Apabila keharmonian bermula di rumah, dedikasi dan mutu penyampaian tugas perkhidmatan awam secara automatiknya dapat ditingkatkan demi kemakmuran rakyat dan negeri Sabah.

"Penganjuran program hari keluarga seperti ini bukan sekadar aktiviti riadah, sebaliknya merupakan manifestasi sokongan Persatuan Suri dan Anggota Wanita Perkhidmatan Awam Malaysia (PUSPANITA) terhadap agenda dan hala tuju kerajaan negeri.

"Khususnya berkaitan pembangunan modal insan, Malaysia MADANI serta keseimbangan kerja dan gaya hidup sihat," katanya ketika merasmikan Program Hari Keluarga Ceria Ria anjuran PUSPANITA Cawangan Sabah di sini, pada Sabtu.

Dalam pada itu, Zainudin berkata pembangunan wanita di Sabah menunjukkan perkembangan positif yang dapat dilihat melalui pelbagai dasar, program keusahawanan serta sokongan sosial yang dilaksanakan Kerajaan Negeri.

Menurutnya, antara perkara yang diberikan sokongan ialah peningkatan ekonomi keluarga bandar dan luar bandar serta memperkasakan wanita melalui pelbagai program keusahawanan bagi membantu meningkatkan pendapatan isi rumah dan mengurangkan jurang kemiskinan negeri, terutamanya golongan B40.

"Seterusnya, kerajaan negeri juga membantu pembangunan wanita melalui pengurangan jurang jantina dalam kepimpinan.

"Kalau kita melihat statistik yang terkini, jumlah wanita yang memegang jawatan tinggi dalam pentadbiran kerajaan negeri sentiasa meningkat dan telah pun melebihi 30 peratus," katanya.

Beliau berharap seluruh warga PUSPANITA terus bersatu padu, mengukuhkan silaturahim dan menjadi pemangkin kepada keharmonian komuniti, selain memperkasa potensi diri, meningkatkan integriti dan profesionalisme serta semangat kerja berpasukan.

Program yang dihadiri hampir 600 peserta itu turut menyantuni anak-anak yatim Home Tuaran dan Jireh Home.

Hadir sama, Mayor Bandaraya Kota Kinabalu, Datuk Seri Dr. Sabin Samitah dan Pengerusi PUSPANITA Cawangan Daerah Kota Kinabalu, Datin Seri Adreen Aderizza Mohamad Sofi. — Penerangan

SAFMA tinjau operasi jeti pendaratan LKIM Kuantan

KOTA KINABALU: Sabah Fish Marketing Sdn. Bhd. (SAFMA) mengadakan lawatan kerja ke Kompleks Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) Kuantan bagi meninjau secara dekat operasi jeti pendaratan serta aktiviti pengendalian hasil perikanan di kompleks berkenaan.

Lawatan diketuai Pengurus Besar SAFMA, Burhan Japar, bersama ahli Lembaga Pengarah dan pegawai SAFMA serta disambut Pengurus Besar Persatuan Nelayan Negeri Pahang (PERNEPA), Zalina Mohamed.

Lawatan itu merupakan sebahagian usaha SAFMA memperkukuh hubungan kerjasama, di samping bertukar pandangan dan pengalaman berkaitan pengurusan industri perikanan, khususnya aspek pendaratan, pengendalian dan pemasaran hasil laut.

Rombongan berkesempatan meninjau sendiri aktiviti pendaratan hasil tangkapan nelayan serta proses pengendalian ikan di jeti berkenaan.

Burhan berkata, lawatan seumpama itu amat penting bagi memberi pendedahan kepada SAFMA mengenai pendekatan dan kaedah pengurusan operasi yang dilaksanakan di LKIM Kuantan.

"Perkongsian pengalaman seperti ini amat bernilai kerana setiap kawasan mempunyai pendekatan dan cabaran tersendiri dalam menguruskan industri perikanan.

"Melalui lawatan ini, kita dapat melihat sendiri operasi di lapangan, bertukar pandangan serta mengenal pasti ruang kerjasama yang boleh memberi manfaat kepada industri dan komuniti nelayan," katanya dalam kenyataan semalam.

TINJAU: Burhan bersama tetamu kehormat lain meninjau operasi pendaratan serta pengendalian hasil perikanan di Kompleks LKIM Kuantan.

Beliau turut menzahirkan penghargaan kepada Zalina Mohamed dan pihak PERNEPA atas sambutan serta perkongsian maklumat sepanjang lawatan berkenaan.

Menurutnya, jaringan kerjasama antara SAFMA, persatuan nelayan dan agensi berkaitan perlu terus diperkukuhkan bagi memastikan sektor perikanan dapat berkembang secara mampan serta memberi manfaat kepada nelayan dan pengguna.

Penentuan syurga dan neraka hak mutlak Allah, jangan kaitkan dengan politik

KUALA LUMPUR: Perbezaan sokongan politik tidak seharusnya membawa kepada sikap menghukum atau merendahkan pihak lain, apatah lagi mengaitkan keselamatan akhirat dengan keahlian atau sokongan kepada mana-mana organisasi politik.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) Dr Zulkifli Hasan berkata penentuan syurga dan neraka adalah hak mutlak Allah SWT serta tidak boleh dijadikan jaminan oleh mana-mana individu, pemimpin atau organisasi politik.

Beliau berkata sokongan kepada mana-mana organisasi politik bukan ukuran untuk memperoleh keredaan Allah SWT, sebaliknya keimanan, ketakwaan dan amalan soleh berlandaskan al-Quran serta al-Sunah menjadi asas utama.

"Sikap mendakwa kumpulannya pasti suci manakala orang lain terkeluar daripada rahmat Allah SWT adalah bentuk memuji diri sendiri dan ghuluw (sikap melampau) yang dilarang keras dalam Islam," katanya menerusi hantaran di laman Facebook.

Zulkifli berkata parti politik hanyalah wasilah atau perantara dalam usaha manusia yang tidak sunyi daripada kelemahan dan ijtihad, serta tidak boleh disamakan dengan agama atau dijadikan ukuran mutlak terhadap kedudukan seseorang di sisi Allah SWT.

Sehubungan dengan itu, beliau menyeru semua pihak supaya mematangkan budaya politik dengan menjadikan keadilan, kemaslahatan ummah dan akhlak sebagai teras, bukannya mengeksploitasi sentimen agama untuk kepentingan politik. — Bernama

Anwar zahir solidariti kepada Indonesia

Susulan bencana gunung berapi dan cabaran jerebu yang dihadapi negara berkenaan

KUALA LUMPUR: Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim semalam menzahirkan solidariti kepada rakyat Indonesia susulan bencana gunung berapi dan cabaran jerebu yang sedang dihadapi negara berkenaan.

Anwar berkata, perkara itu disampaikan beliau ketika menghubungi bekas Presiden Indonesia Joko Widodo, atau lebih dikenali sebagai Jokowi, yang kini berada di Pulau Pinang bagi menghadiri Dialog Keamanan Pulau Pinang.

Menerusi hantaran di laman Facebook beliau semalam, Anwar berkata perbualan yang berlangsung dalam suasana mesra itu turut menyaksikan kedua-dua pemimpin bertanya khabar.

Anwar turut memohon maaf kerana tidak dapat menyantuni Jokowi secara langsung di Pulau Pinang berikutan program bersama dengan petani, penternak, peladang dan komuniti pertanian pada Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agropelancongan Malaysia (MAHA) 2026 yang dijadualkan lebih awal.

> “Amanah dan kedudukan boleh silih berganti, namun persahabatan dan rasa hormat akan terus kekal.”
>
> **Datuk Seri Anwar Ibrahim**
> *Perdana Menteri*

“Malaysia dan Indonesia bukan sekadar negara jiran, tetapi dua bangsa serumpun yang diikat sejarah, budaya dan persaudaraan yang akrab.

“Amanah dan kedudukan boleh silih berganti, namun persahabatan dan rasa hormat akan terus kekal,” kata beliau sambil menegaskan bahawa ikatan itu akan terus dipelihara demi kesejahteraan rakyat kedua-dua negara serta kemakmuran rantau ini.

Menurut laporan berita agensi nasional ANTARA, Jokowi menghadiri Dialog Keamanan Pulau Pinang yang berlangsung di George Town serta menyampaikan pandangannya tentang peranan pemimpin dan rakyat dalam membina asas keamanan pada majlis makan malam gala, malam kelmarin.

Bekas Presiden ketujuh Indonesia itu juga menyampaikan ucaptama pada forum berkenaan, semalam. — Bernama

WARISAN: Pesilat melakukan persembahan sempena Majlis Adat Istiadat Khatam Keris Peringkat Kebangsaan Anjuran Pertubuhan Silat Seni Gayong Malaysia Negeri Perak (PSSGM) dan Perhimpunan Silat Anak-Anak Gayong Negeri Perak di Teluk Batik Campsite, semalam. — Gambar Bernama

TERTARIK: Anwar ketika melawat reruai pameran selepas menyempurnakan Majlis Perasmian Penutupan Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agropelancongan Malaysia (MAHA) 2026 di Taman Ekspo Pertanian Malaysia Serdang (MAEPS) semalam. Turut hadir Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan Datuk Seri Mohamad Sabu. — Gambar Bernama

Siasatan isu tatakelola bukan bersifat iri hati dan dendam, pastikan negara diperintah mengikut jalur hukum

SERDANG: Sebarang siasatan dan pendedahan berkaitan isu tatakelola melibatkan beberapa agensi kerajaan termasuk Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) dan Lembaga Tabung Haji (TH) bukan sekadar satu polemik politik atau bersifat iri hati dan dendam.

Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, sebaliknya langkah itu merupakan tanggungjawab beliau selaku pemimpin untuk memastikan pemerintahan negara berjalan mengikut jalur hukum serta membebaskan negara daripada sebarang kecurangan.

“Jangan politikkan (isu ini). Fikirkanlah, yang siasat bukan saya, itu badan penguatkuasaan, yang memutuskan untuk mendakwa itu Peguam Negara, malah mereka ada pasukan yang meneliti setiap kes. Yang menghukum itu pula hakim.

“Kerajaan tidak mempunyai pilihan lain selain memastikan perbelanjaan kita diurus dengan baik. Belanja, peruntukan boleh bertambah, tetapi kalau bocor, tiris, yang terdera itu rakyat di bawah, golongan petani, nelayan, pesawah,” kata beliau.

Perdana Menteri berkata demkian ketika berucap pada Majlis Perasmian Penutupan Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agropelancongan Malaysia (MAHA) 2026 di sini, semalam.

Anwar yang juga Menteri Kewangan turut mengambil contoh isu berkaitan FELDA, yang sebelum ini dikenali sebagai estet perladangan terbesar dunia.

“Ini soal pertanian, perladangan. FELDA antara yang kita banggakan. Kalau urus dengan baik, pulangannya itu kepada peneroka.

“Kalau urusannya teruk, yang menimpa malapetakanya, sengsaranya juga peneroka. Jadi, jangan pandang remeh usaha yang kita betulkan.

“FELDA ini setiap tahun Kementerian Kewangan perlu sediakan RM980 juta dana untuk membayar hutang akibat kerugian. Sebab apa, sebab pengurusannya lemah, dan amalan mengambil hak rakyat oleh orang yang diberi amanah,” kata beliau.

Anwar, dalam pada itu, memaklumkan akan terdapat beberapa pendedahan lagi berkaitan isu tatakelola dalam pengurusan FELDA, beberapa minggu lagi.

Hadir sama pada majlis semalam ialah Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan Datuk Seri Mohamad Sabu, Menteri Besar Selangor Datuk Seri Amiruddin Shari dan Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Shamsul Azri Abu Bakar. — Bernama

Program Santuni MADANI 2026 menyemarakkan semangat M’sia MADANI kepada masyarakat

Oleh Nurin Abdullah

KLUANG: Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) mendekatkan semangat Malaysia MADANI kepada masyarakat menerusi Program Santuni MADANI Ketua Setiausaha KPT Tahun 2026 yang berlangsung di Kampung Tengah, Kluang dari 4 hingga 5 September lalu.

Program bertemakan ‘Memperkasa Komuniti Kampung Tengah, Kluang Melalui Sinergi Kementerian dan Akar Umbi’ itu dinaungi Ketua Setiausaha KPT, Datuk Ts Dr Aminuddin Hassim.

Program berkenaan melibatkan warga kementerian dan institusi pendidikan tinggi, selain sekolah, agensi kerajaan serta komuniti setempat.

Pelbagai pengisian dianjurkan sepanjang program dua hari berkenaan meliputi aspek kerohanian, kemasyarakatan, kecergasan, rekreasi, pendidikan dan teknologi.

Antara aktiviti yang diadakan termasuk Semarak Subuh, solat berjemaah, tazkirah, ceramah khas agama, selain Kenduri Rakyat dan Rewang.

Dari aspek kecergasan dan rekreasi, program turut menampilkan aktiviti Jalan-jalan Jalur Gemilang sejauh tiga kilometer bersempena Bulan Kebangsaan Ke-69.

Aktiviti lain termasuk berjalan pantas, senamrobik, sukaneka, petanque, memanah, dart dan permainan tradisional.

Golongan muda turut diberi perhatian menerusi penganjuran Bengkel Robotik dan Pertandingan FIRA Junior, selain aktiviti e-sukan serta pertunjukan dron.

Dalam pada itu, komuniti setempat berpeluang mendapatkan pelbagai perkhidmatan termasuk pemeriksaan kesihatan, pameran agensi, Jualan Rahmah serta perkhidmatan spa dan gunting rambut.

Program berkenaan turut mendapat kerjasama Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN), Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK), Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) Kampung Tengah Kluang, Waqaf An-Nur dan Jualan Rahmah MADANI.

Turut terlibat ialah rakan strategik daripada ekosistem pendidikan tinggi termasuk Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), Universiti Teknologi Malaysia (UTM), politeknik dan kolej komuniti di bawah POLYCC serta UPUOnline.

Selain itu, program turut disertai Persatuan Suri dan Anggota Wanita Perkhidmatan Awam (PUSPANITA) Cawangan KPT, Majlis Bersama Jabatan (MBJ) KPT, Surau Ibadurrahman serta Kelab Sukan dan Kebajikan KPT.

KPT berkata, Program Santuni MADANI Ketua Setiausaha KPT Tahun 2026 mencerminkan usaha kementerian menghubungkan warga kementerian dan institusi pendidikan tinggi dengan masyarakat menerusi penglibatan secara langsung serta kerjasama yang memberi manfaat kepada komuniti.

Tumpuan khusus golongan M40 antara fokus kerajaan menjelang pembentangan Belanjawan 2027

LUMUT: Belanjawan 2027 yang bakal dibentangkan bulan depan dijangka memberi tumpuan khusus kepada usaha menangani isu sosioekonomi, merangkumi kebajikan golongan berpendapatan pertengahan (M40) serta kumpulan kurang berkemampuan.

Setiausaha Politik kepada Menteri Kewangan, Muhammad Kamil Abdul Munim berkata, tumpuan terhadap kedua-dua golongan itu diberikan memandangkan mereka antara yang paling terkesan dengan tekanan ekonomi dan cabaran kos sara hidup semasa.

“Belanjawan yang akan diumumkan oleh Perdana Menteri nanti adalah satu lagi belanjawan yang lebih inklusif, lebih dekat dengan rakyat dan sedikit sebanyak dapat menyelesaikan beberapa permasalahan serta isu yang berbangkit.

“Buat masa ini, pihak terlibat masih lagi menjalankan sesi libat urus dengan semua pemegang taruh bagi memuktamadkan belanjawan berkenaan,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas merasmikan Majlis Adat Istiadat Khatam Keris Peringkat Kebangsaan anjuran Persatuan Silat Seni Gayong Malaysia (PSSGM) Perak dan Perhimpunan Silat Anak-Anak Gayong Perak di Teluk Batik Campsite di sini, semalam.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim yang juga Menteri Kewangan dijadualkan membentangkan Belanjawan 2027 di Dewan Rakyat pada 9 Oktober ini.

Dalam pada itu, Muhammad Kamil berkata, inisiatif sedia ada seperti Sumbangan Tunai Rahmah (STR) dan Sumbangan Asas Rahmah (SARA) akan terus diperkukuh bagi meringankan beban kewangan isi rumah.

“Dasar-dasar (bantuan) seperti STR dan SARA itu akan diteruskan dan kita nantikan pengumuman lanjut oleh Menteri Kewangan, iaitu Perdana Menteri,” katanya. — Bernama

Syarikat e-panggilan digalak sedia pilihan pemandu wanita bagi penumpang wanita

PUTRAJAYA: Syarikat perkhidmatan e-panggilan digalakkan menyediakan pilihan pemandu wanita kepada penumpang wanita sebagai langkah memperkukuh keselamatan dan keselesaan golongan itu, kata Menteri Pengangkutan Anthony Loke.

Beliau berkata, pilihan itu penting bagi memastikan penumpang wanita mempunyai alternatif yang menjamin keselesaan dan keselamatan mereka ketika menggunakan perkhidmatan e-panggilan.

“Ini satu ciri yang saya harap pemimpin-pemimpin wanita kita ini dapat promosikan.

“Kalau ambil e-panggilan ada satu daripada ciri yang boleh anda pilih, iaitu kita boleh pilih pemandu wanita,” katanya ketika berucap merasmikan Kongres Wanita DAP Kebangsaan 2026 selaku Setiausaha Agung parti itu di sini, semalam.

Loke berkata, beliau turut meminta syarikat e-panggilan menyediakan ciri perkongsian kereta yang hanya melibatkan penumpang wanita.

“Saya kata hendak letakkan antara ciri utama dalam perkongsian kereta itu ialah ia hanya untuk dalam kalangan penumpang wanita. Iaitu kalau nak kongsi, tidak boleh dengan lelaki, mesti dengan wanita. Itu antara ciri yang (mesti) boleh dipilih oleh penumpang,” katanya.

Beliau ketika mengulas mengenai perkhidmatan rel berkata, aspek keselamatan terus diperkasa melalui penyediaan koc khas wanita berikutan kementerian sering menerima aduan gangguan seksual, terutamanya pada waktu sesak. — Bernama

Malaysia tekad tingkat kerjasama global menangani krisis iklim: PM

SERDANG: Malaysia akan terus memperkukuh hubungan diplomatik dengan kuasa besar dunia dan negara anggota ASEAN bagi memastikan kemajuan yang dicapai akhirnya memberikan manfaat langsung kepada rakyat, khususnya golongan petani, peladang dan pesawah.

Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, hubungan baik dengan negara seperti Amerika Syarikat, China dan Australia adalah penting bagi memastikan Malaysia dianggap sebagai sebuah negara yang stabil dan mampu membela nasib rakyatnya.

Beliau berkata, cabaran global seperti krisis iklim kini memerlukan kerjasama antarabangsa yang lebih erat memandangkan kesannya telah mula mengancam sektor pertanian serta keterjaminan makanan.

Berkongsi perbincangan dengan bekas Naib Presiden Amerika Syarikat Al Gore baru-baru ini, Anwar berkata antara perkara yang dibincangkan ialah krisis iklim global, transisi tenaga oleh Malaysia serta situasi jerebu di Serian, Sarawak yang memaksa darurat diisytiharkan.

“Dunia ini tidak dapat sentiasa terkawal. Peningkatan krisis iklim seperti pencairan glasier di Himalaya yang menyebabkan banjir besar di Nepal sehingga meragut begitu banyak nyawa dan keselamatan bukan saja rakyat Nepal, tetapi termasuk rakyat Malaysia.

“Itu hal-hal yang kita tidak boleh duga. Tetapi, hal-hal yang mampu kita rancang dengan baik, kita harus lakukan. Sebab itu transisi tenaga kita lakukan. Kebergantungan pada bahan api fosil dan arang batu kita kurangkan,“ kata beliau ketika berucap pada Majlis Perasmian Penutupan Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agropelancongan Malaysia (MAHA) 2026 di sini, semalam.

BERAKHIRNYA MAHA 2026: Anwar (tiga kanan) menyempurnakan Majlis Penutupan Pameran Pertanian, Hortikurtur Dan Agro Pelancongan Malaysia (MAHA) 2026 di Taman Ekspo Pertanian Malaysia Serdang (MAEPS) semalam. Turut kelihatan Mohamad (dua kanan), Timbalan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan Datuk Chan Foong Hin (kiri), Amirudin Shari (dua kiri) dan Isham Ishak (kanan). — Gambar Bernama

Yang turut hadir ialah Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan Datuk Seri Mohamad Sabu, Menteri Besar Selangor Datuk Seri Amiruddin Shari, Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Shamsul Azri Abu Bakar serta Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan Datuk Seri Isham Ishak.

Mengulas lanjut, Anwar berkata Malaysia kini giat memajukan laluan kabel dasar laut untuk menyalurkan tenaga boleh baharu hasil kerjasama dengan Vietnam dan Sarawak ke Johor serta Singapura, yang turut bakal memberikan manfaat kepada Sabah, Kalimantan dan Selatan Filipina.

Beliau berkata, kepelbagaian sumber tenaga baharu itu akan diselaraskan dengan dasar peralihan tenaga bagi menyokong kemampanan sektor pertanian tempatan.

Dalam pada itu, Perdana Menteri turut berkongsi tentang panggilan telefon beliau bersama dengan bekas Presiden Indonesia Joko Widodo awal pagi semalam yang kini berada di Pulau Pinang, bagi mempererat lagi hubungan persahabatan antara kedua-dua negara.

“Jadi, sebagai sahabat lama, sepatutnya saya turun ke Pulau Pinang untuk bersama-sama beliau. Tetapi saya beritahu, ‘Minta maaf, pak. Saya ini ada acara bersama dengan rakyat, MAHA (yang melibatkan) peladang, pesawah, petani. Jadi, saya minta maaf, tidak dapat bersama-sama’,” kata Anwar. — Bernama

MAHA 2026 lepasi sasaran, catat 4.3 juta pengunjung

Dari nilai jualan, MAHA 2026 merekodkan RM66.88 juta, juga melebihi sasaran sebanyak RM58 juta, kata Mohamad

SERDANG: Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agropelancongan Malaysia (MAHA) 2026 melakar sejarah apabila sebahagian besar sasaran yang ditetapkan Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) berjaya dicapai dan melebihi jangkaan.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, MAHA 2026 merekodkan kira-kira 4.3 juta pengunjung, termasuk 1.7 juta golongan belia sepanjang ia berlangsung dari 28 Ogos hingga semalam.

"Saya yakin sampai 10 malam ini, jumlah pengunjung akan melebihi lima juta. Sasaran kami empat juta orang, maksudnya lebih satu juta manakala penglibatan pempamer mencecah 2,000 pempamer tempatan dan antarabangsa daripada pelbagai negara," katanya semalam.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Penutup MAHA 2026 yang dirasmikan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim di Taman Ekspo Pertanian Malaysia (MAEPS) di sini, semalam.

SIDANG MEDIA: Mohamad ketika sidang media selepas Majlis Perasmian Penutupan Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agropelancongan Malaysia (MAHA) 2026 di Taman Ekspo Pertanian Malaysia Serdang (MAEPS) semalam. — Gambar Bernama

Mohamad berkata, dari segi nilai jualan pula, MAHA 2026 merekodkan RM66.88 juta, melebihi sasaran RM58 juta yang ditetapkan.

"Memorandum persefahaman (MoU) juga berjaya dimeterai, melibatkan kolaboratif strategik dan jangkaan pelaburan kira-kira RM10.3 bilion berbanding sasaran RM8 bilion," katanya.

Beliau berkata, MAHA 2026 bukan pengakhiran kepada usaha memperkukuh sektor pertanian negara, sebaliknya menjadi lonjakan baharu ke arah transformasi sektor berkenaan.

"Segala pemeteraian perjanjian, jalinan perkongsian teknologi dan ilham yang dizahirkan sepanjang pameran ini mestilah disusuli dengan tindakan susulan yang pantas agar manfaatnya terus sampai kepada para petani, peladang, penternak, nelayan dan pengguna di luar sana," katanya.

> "Segala pemeteraian perjanjian, jalinan perkongsian teknologi dan ilham yang dizahirkan sepanjang pameran ini mestilah disusuli dengan tindakan susulan yang pantas agar manfaatnya terus sampai kepada para petani, peladang, penternak, nelayan dan pengguna di luar sana."
>
> **Datuk Seri Mohamad Sabu**
> *Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan*

Bagi penganjuran MAHA akan datang, Mohamad berharap platform berkenaan terus berkembang sebagai hab inovasi agromakanan terunggul di rantau ini.

"Kami akan terus berusaha menarik lebih ramai penyertaan anak muda dan modal insan berkemahiran tinggi ke dalam ekosistem pertanian, selaras dengan matlamat untuk membina sebuah negara yang mandiri, berdaya tahan dan terjamin dari segi bekalan makanan," katanya.

Sementara itu, Mohamad berkata, defisit imbangan dagangan negara dalam sektor agromakanan tahun ini terus mencatatkan penurunan sebanyak 26.4 peratus bagi tempoh sehingga Mei 2026.

Beliau berkata, nilai eksport meningkat 8.1 peratus kepada RM58.8 bilion manakala nilai import menurun 1.1 peratus kepada RM92.7 bilion berbanding tempoh sama tahun sebelumnya. — Bernama

Industri sawit peruntuk RM200,000 untuk perkasa habitat orang utan

PUTRAJAYA: Industri sawit memperuntukkan RM200,000 bagi melaksanakan usaha pemeliharaan dan menjaga habitat orang utan, kata Menteri Perladangan dan Komoditi Datuk Seri Dr Noraini Ahmad.

Beliau berkata, usaha yang dilaksanakan melalui Yayasan Pemuliharaan Hijau Minyak Sawit Malaysia (MPOGCF) penting dalam meningkatkan kesedaran masyarakat tentang kepentingan memelihara habitat haiwan berkenaan.

"Melalui MPOGCF, industri sawit telah menyumbang hampir RM200,000. Sumbangan tersebut menunjukkan bahawa komitmen terhadap pemuliharaan boleh diterjemahkan kepada tindakan yang nyata di lapangan.

"Antaranya termasuklah menyediakan jambatan orang utan bagi menghubungkan habitat yang terpisah serta sebuah bot rondaan untuk membantu renjer menjalankan pemantauan dan penguatkuasaan," katanya ketika berucap merasmikan sambutan Hari Orang Utan Sedunia 2026 di sini, semalam.

Sementara itu, Noraini berkata, sebanyak 1,500 peserta telah menyertai program larian bersempena dengan sambutan Hari Orang Utan Sedunia, sekali gus menjadikan penyertaan terbesar sejak sambutan itu mula dianjurkan MPOGCF.

"Penyertaan hari ini (semalam) bukan sekadar untuk melengkapkan satu larian. Yuran penyertaan yang dikutip akan disalurkan sepenuhnya kepada Tabung Konservasi MPOGCF.

"Sumbangan ini akan digunakan untuk menyokong usaha pemuliharaan orang utan melalui Program Diplomasi Orang Utan (OUDip)," katanya.

Beliau berkata, program ini sedang dilaksanakan di Sungai Pin Conservation Area (SPnCA) dalam kawasan perladangan Sawit Kinabalu Group di Kinabatangan, Sabah.

"Sawit Kinabalu Group telah memperuntukkan kira-kira 2,632 hektar di Sungai Pin Estate sebagai kawasan yang mempunyai Nilai Konservasi Tinggi. Kawasan tersebut dianggarkan menjadi habitat kepada 55 ekor orang utan," katanya.

Dalam sidang media berasingan, Noraini berkata, usaha pemeliharaan orang utan pada masa depan tidak seharusnya hanya tertumpu pada satu kawasan, sebaliknya perlu diperluas sekiranya terdapat kawasan lain yang dikenal pasti memerlukan perhatian.

"Fokus memang di Sabah, tetapi sudah semestinya ada tempat-tempat lain sekiranya ada. Kita akan pastikan liputan itu lebih luas, bukan hanya tumpuan di satu tempat sahaja," katanya. — Bernama

Zahid nafi ada masalah dengan Anwar, BN komited pastikan kestabilan negara

ISKANDAR PUTERI: Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi menafikan dakwaan wujud perselisihan atau masalah antara beliau dengan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim, sebaliknya menegaskan bahawa Barisan Nasional (BN) kekal komited memastikan kestabilan politik negara sehingga tamat penggal.

Beliau berkata, tiada sebarang masalah sama ada secara peribadi mahupun rasmi antara beliau dengan Anwar, termasuk ketika menghadiri mesyuarat Kabinet serta majlis dan acara rasmi kerajaan.

"Saya tidak ada sebarang masalah sama ada dari segi peribadi atau secara rasmi. Yang penting bagi Barisan Nasional (BN) sebagai sebuah daripada komponen dalam Kerajaan Perpaduan Malaysia ialah kestabilan politik di negara ini sehingga akhir penggal.

"Kami melakukan proses membuat keputusan dan juga mencapai keputusan secara profesional," katanya kepada pemberita selepas menghadiri Karnival Sukan Orang Asli Peringkat Kebangsaan 2026 di Kompleks Sukan Educity, di sini, semalam, yang turut dihadiri Menteri Besar Johor Datuk Onn Hafiz Ghazi.

PENUTUPAN: Dr Ahmad Zahid (tiga kanan) bersama Onn Hafiz (tiga kiri) menyempurnakan gimik perasmian penutupan Karnival Sukan Orang Asli (KSOA) Peringkat Kebangsaan 2026 di Kompleks Sukan Educity semalam. — Gambar Bernama

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas laporan Bloomberg sebelum ini bahawa hubungan antara Anwar dengan Ahmad Zahid dikhabarkan semakin tegang sehingga menyebabkan mesyuarat Kabinet kebelakangan ini berlangsung lebih singkat berbanding biasa.

Laporan itu menyebut bahawa ketegangan berkenaan berpunca daripada tindakan Ahmad Zahid yang memutuskan BN menentang PH dalam Pilihan Raya Negeri (PRN) Johor dan Negeri Sembilan, baru-baru ini.

Pengerusi BN itu juga berkata, komitmen BN untuk terus berada dalam Kerajaan Perpaduan sehingga tamat tempoh selaras dengan resolusi Perhimpunan Agung UMNO.

Beliau berkata, kestabilan politik amat penting bagi memastikan keyakinan pelabur asing terhadap Malaysia terus terpelihara selain menyokong pertumbuhan ekonomi negara.

"Kita tahu bahawa resolusi Perhimpunan Agung UMNO telah menetapkan bahawa kita berada dalam Kerajaan Perpaduan Malaysia ini sehingga tamat tempoh.

"Inilah yang kami lakukan supaya terdapat kestabilan politik yang sepenuhnya bagi mengelakkan sebarang permasalahan, terutamanya daripada pelabur-pelabur luar negara, FDI (Pelaburan Langsung Asing), dan juga untuk mempertingkatkan pertumbuhan ekonomi negara," katanya.

Beliau berkata, dakwaan tentang wujudnya masalah antara kepimpinan BN dengan Perdana Menteri tidak menggambarkan keadaan sebenar.

"Hakikatnya, tidak ada sebarang permasalahan di hadapan ketika kita berada dalam mesyuarat Kabinet ataupun dalam majlis-majlis atau acara rasmi kementerian atau jabatan serta agensi-agensi peringkat Persekutuan," katanya. — Bernama

Seorang peserta KKEC meninggal dunia, lapan lagi terima rawatan di hospital

KUANTAN: Seorang peserta meninggal dunia, manakala lapan lagi menerima rawatan di hospital selepas mengalami masalah kesihatan ketika menyertai program Komander Kesatria Endurance Challenge (KKEC) 2026 di Universiti Teknologi MARA (UiTM) dekat Jengka, Maran.

Ketua Polis Daerah Maran, Superintenden Wong Kim Wai berkata, pihaknya menerima laporan melibatkan kejadian itu pada jam 6.59 petang semalam.

"Mangsa yang meninggal dunia merupakan pelajar lelaki berusia 21 tahun dan butiran lanjut akan diberi selepas laporan bedah siasat diterima," katanya ketika dihubungi Bernama.

Difahamkan, kesemua mereka tidak sedarkan diri sebelum dikejarkan ke hospital untuk rawatan lanjut dipercayai akibat faktor cuaca panas.

Sementara itu, UiTM Cawangan Pahang dalam kenyataan menzahirkan rasa dukacita dan mengucapkan takziah kepada keluarga peserta program KKEC daripada UiTM Cawangan Negeri Sembilan Allahyarham Fadhlan Fakhry Solana Mohd Fellimal.

Pihak pengurusan sentiasa mengutamakan kebajikan warganya, justeru UiTM sedang memberikan tumpuan sepenuhnya terhadap kebajikan keluarga Allahyarham.

"Pengurusan universiti telah menggerakkan bantuan komprehensif bagi memastikan segala urusan pengurusan jenazah, dokumentasi, pengangkutan dan keperluan sokongan emosi kepada keluarga mangsa berjalan dengan lancar serta dipermudah tanpa sebarang kesulitan," menurut kenyataan itu.

UiTM memaklumkan sebagai bukti komitmen universiti terhadap keselamatan dan kesihatan pelajar, pihak penganjur telah menetapkan pertandingan melibatkan aktiviti luar KKEC 2026 yang dijadualkan pada hari ini (semalam) dibatalkan.

Menurut kenyataan itu, program tahunan yang menghimpunkan komander kesatria dari seluruh cawangan UiTM se-Malaysia berlangsung dari 2 hingga 8 September di UiTM Cawangan Pahang, Kampus Jengka telah melalui pematuhan prosedur operasi standard (SOP) kesihatan dan keselamatan yang ketat.

"Semua peserta diwajibkan menjalani pemeriksaan kesihatan sebelum program bermula, selain saringan kesihatan berkala sebelum setiap acara bermula. Malah, beberapa peserta terdahulu telah pun diminta menarik diri selepas didapati tidak melepasi saringan akhir tersebut," menurut kenyataan itu.

Pihak UiTM memandang serius kejadian ini dan akan terus memantau rapi situasi semasa bagi memastikan kebajikan semua pihak yang terlibat terpelihara.

"Segala kesulitan amatlah dikesali, dan kerjasama serta doa daripada semua pihak amat dihargai dalam mendepani waktu yang sukar ini," menurut kenyataan itu. — Bernama

1,100 peserta meriahkan 'Fun Walk' Jiwa Merdeka Hang Tuah Jaya

MELAKA: Kira-kira 1,100 peserta daripada pelbagai lapisan masyarakat menyertai Fun Walk Jiwa Merdeka Hang Tuah Jaya (HTJ) 2.0 di Kompleks Belia dan Sukan Melaka (KOMBES), Ayer Keroh malam kelmarin, dalam usaha menyemarakkan semangat patriotisme bersempena dengan sambutan Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia 2026.

Ahli Parlimen Hang Tuah Jaya Adam Adli Abdul Halim berkata, penyertaan pada edisi kedua program itu kian meningkat berbanding tahun lepas, sekali gus membuktikan sambutan menggalakkan masyarakat terhadap aktiviti yang menyatukan pelbagai lapisan komuniti.

"Ini anjuran kali kedua dan alhamdulillah sambutan amat menggalakkan. Program ini bukan sekadar aktiviti rekreasi, sebaliknya menjadi platform untuk mengukuhkan perpaduan, mengeratkan ukhuwah serta memupuk keharmonian dalam kalangan masyarakat.

"Saya ucapkan terima kasih kepada semua yang membawa keluarga, rakan-rakan serta yang datang dari jauh dan dekat untuk memberikan sokongan kepada Fun Walk Jiwa Merdeka," katanya kepada Bernama selepas program tersebut di sini, malam kelmarin.

JIWA MERDEKA: Adam Adli (tengah) yang juga Ahli Parlimen Hang Tuah Jaya bergambar bersama para peserta Program Fun Walk Jiwa Merdeka Hang Tuah Jaya 2.0 di Kompleks Belia dan Sukan Ayer Keroh, semalam. — Gambar Bernama

Adam Adli yang juga Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi berkata, pelbagai aktiviti lain turut dilaksanakan bagi sambutan Bulan Kebangsaan di Parlimen Hang Tuah Jaya, termasuk edaran Jalur Gemilang serta program berskala kecil yang memberikan penekanan terhadap pengertian dan penghayatan kemerdekaan.

"Selain Fun Walk Jiwa Merdeka, kita juga edarkan bendera dan laksana beberapa program yang bertujuan memastikan kita bukan hanya semata-mata mengadakan sambutan, tetapi juga pengertian dan penghayatan yang lebih mendalam seperti forum serta pertandingan kecil," katanya.

Fun Walk Jiwa Merdeka HTJ 2.0 menyusuri laluan sejauh 2.5 kilometer bermula dari KOMBES melalui Jalan Tasik, Jalan Zoo dan Dataran Sejarah sebelum kembali ke lokasi permulaan, dengan enam checkpoint disediakan sepanjang laluan.

Program itu turut mendapat sokongan Jabatan Penerangan Melaka, Akademi Kenegaraan Malaysia, Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya (MPHTJ), Komuniti MADANI serta Jabatan Belia dan Sukan Negeri Melaka. — Bernama

SEMANGAT KESUKANAN: Gauff (kanan) berjabat tangan dengan Bucsa sejurus tamat perlawanan tenis perseorangan wanita Terbuka AS di Pusat Tenis Antarabangsa USTA Billie Jean King di New York, kelmarin. — Gambar AFP

Gauff mara ke pusingan keempat

Terbuka AS: Menewaskan Cristina Bucsa dengan keputusan 6-3, 6-4

NEW YORK: Coco Gauff yang menjadi pilihan keempat mara ke pusingan keempat Terbuka AS pada Sabtu, selepas menumpaskan pemain Sepanyol, Cristina Bucsa dalam set terus.

Gauff, juara Terbuka AS 2023, mengatasi pemain ranking ke-40 dari Sepanyol itu dengan keputusan 6-3, 6-4 dalam masa 88 minit, menerjah ke jaring pada mata perlawanan dan mengesahkan kemenangan apabila pukulan lob Bucsa keluar jauh.

"Dia seorang pemain yang licik, jadi sukar untuk mendapatkan rentak," kata Gauff mengenai pemain Sepanyol itu. "Gembira dengan cara saya berjuang walaupun saya tidak bermain pada tahap terbaik."

> "Dia seorang pemain yang licik, jadi sukar untuk mendapatkan rentak. Gembira dengan cara saya berjuang walaupun saya tidak bermain pada tahap terbaik."
>
> **Coco Gauff**
> *Pemain tenis*

Gauff, yang sedang mencatat rekod sembilan kemenangan berturut-turut selepas merangkul kejuaraan dalam kejohanan pemanas badan di Cincinnati, seterusnya akan menentang sama ada pemain meningkat naik Amerika, Iva Jovic atau Alex Eala dari Filipina.

Dalam pertarungan yang lebih tertumpu di garisan belakang, kedua-dua Gauff dan Bucsa melakukan serangan berkesan ke kawasan jaring serta bertahan dengan kental bagi memanjangkan rali menerusi pukulan menyelamat sukar yang memukau penonton di Stadium Arthur Ashe.

Tertinggal 1-3 pada set pembukaan, Gauff memenangi lima permainan seterusnya, merangkul mata penting untuk mendahului 4-3 di sebalik dua kesalahan ganda dua berturut-turut.

Gauff memulakan langkah dulu pada set kedua, memecah servis lawan untuk mendahului 4-3 sebelum melepaskan servisnya sendiri dengan serta-merta. Namun, beliau memecah servis lawan sekali lagi dalam permainan berikutnya dan melakukan servis penutup perlawanan dengan cekap untuk layak ke minggu kedua di Flushing Meadows bagi tahun kelima berturut-turut.

Sebagai juara 2023, Gauff berazam untuk memperbaiki pencapaiannya sejak dua tahun lalu apabila beliau tersingkir di pusingan keempat. — AFP

FAF lantik Hemdani sebagai ketua jurulatih Algeria

ALGIERS: Persekutuan Bola Sepak Algeria (FAF) pada Sabtu melantik bekas pemain tengah Marseille, Brahim Hemdani, sebagai ketua jurulatih berikutan pemergian Vladimir Petkovic, menurut laporan televisyen kerajaan.

Lelaki berusia 48 tahun kelahiran Perancis itu, yang memenangi dua kaps untuk Algeria semasa kerjaya asalnya sebagai pemain, mempunyai pengalaman kejurulatihan yang terhad tetapi mengambil alih jawatan tersebut selepas membimbing skuad bawah 21 tahun Algeria merangkul pingat emas dalam Sukan Mediterranean di Taranto, Itali, pada minggu lalu.

FAF menamatkan tempoh perkhidmatan Petkovic pada awal Ogos lalu di sebalik lanjutan kontrak yang sepatutnya mengekalkan beliau sebagai pengendali sehingga 2028.

Di bawah kendalian jurulatih Switzerland itu, Algeria layak ke peringkat kalah mati Piala Dunia untuk kali kedua sahaja dalam sejarah mereka, menyamai pencapaian dari tahun 2014, yang sebahagiannya dibantu oleh perluasan kejohanan kepada 48 pasukan.

Walau bagaimanapun, kempen mereka berakhir di pusingan 32 terakhir dengan kekalahan 0-2 di tangan Switzerland. Algeria juga tewas di peringkat Piala Negara-Negara Afrika pada bulan Januari, tersingkir di peringkat suku akhir selepas kekalahan 0-2 kepada Nigeria. — AFP

Flick berharap Yamal sedia, cergas untuk aksi menentang Valencia

BARCELONA: Jurulatih Barcelona, Hansi Flick, berharap bintang remaja Lamine Yamal cergas untuk menghadapi Valencia dalam saingan La Liga pada Ahad selepas mengalami kecederaan ringan.

YAMAL

Pemain sayap berusia 19 tahun itu tidak berlatih bersama rakan sepasukannya pada Sabtu sebaliknya berlatih sendirian di padang latihan.

"Untuk esok kita perlu menunggu, saya tidak boleh mengatakannya hari ini," kata Flick kepada pemberita pada Sabtu.

"Kami perlu menentukan sama ada lebih baik dia berehat atau bermula dari awal, saya akan bercakap dengannya dan kami akan memutuskannya."

"Lamine ialah pemain yang suka bermain bola sepak."

Flick berkata Yamal akan mengiringi pasukannya ke stadium Mestalla, di mana Barca berhasrat untuk meneruskan permulaan 100 peratus kemenangan mereka dalam musim ini.

"Dia berlatih secara berasingan dan semuanya berjalan baik, dia akan pergi bersama kami esok," kata Flick.

"Dia mengalami hentakan dan merasai sedikit kesakitan jadi kami berkata adalah lebih baik jika dia berlatih secara berasingan," tambah jurulatih itu.

"Selepas latihan dia berkata semuanya berjalan baik jadi dia akan pergi dan semoga dia boleh bermain esok."

Yamal mempamerkan aksi cemerlang dalam kemenangan 5-2 menentang Rayo Vallecano pada Isnin, dengan menjaringkan dua gol pertamanya musim ini.

Pesaing Real Madrid tewas 0-1 di tangan Real Betis pada Jumaat, sekali gus memberi peluang kepada juara bertahan Barca untuk mengukuhkan kedudukan sebagai pendahulu tunggal liga.

"Apabila anda melihat perlawanan semalam, Real Madrid juga bermain dengan baik... mereka mempunyai peluang yang sangat besar," kata Flick.

"Inilah bola sepak, (keciciran mata) sentiasa boleh berlaku. Bagi kami adalah penting untuk kami memberi tumpuan kepada diri sendiri."

Pendatang baharu Gabriel Jesus dijangka bermula di bangku simpanan manakala pemain sayap Raphinha kekal sebagai penyerang utama selepas meledakkan lima gol dalam tiga perlawanan ketika beraksi di posisi luar biasa.

"Pada masa ini (Raphinha) beraksi dengan sangat hebat," jelas Flick.

"Dia adalah pilihan terbaik untuk kami pada masa ini di posisi tersebut." — AFP

Hughes lepas jawatan pengarah sukan Liverpool

LIVERPOOL: Liverpool mengumumkan pada Sabtu bahawa pengarah sukan Richard Hughes telah melepaskan jawatannya, beberapa minggu selepas Michael Edwards meletakkan jawatan sebagai ketua eksekutif bola sepak.

Hughes, yang dilaporkan bakal memegang peranan serupa di kelab Arab Saudi Al Hilal, menyelia perbelanjaan terbesar dalam sejarah Liverpool pada jendela perpindahan musim panas tahun lalu, membawa masuk sekumpulan bintang termasuk Alexander Isak, Florian Wirtz dan Hugo Ekitike dengan kos sebanyak £450 juta ($611 juta).

Kelab itu juga berbelanja besar pada jendela perpindahan terbaharu, dengan pemain sayap Perancis Bradley Barcola menjadi pembelian utama mereka.

Semasa tempoh dua tahun perkhidmatan Hughes, pengurus yang kini sudah meninggalkan kelab, Arne Slot, membawa Liverpool merangkul gelaran liga Inggeris ke-20 yang menyamai rekod pada musim 2024/25.

Tetapi bekas pemain antarabangsa Scotland itu juga dikritik hebat kerana meninggalkan Slot dan bos baharu Liverpool, Andoni Iraola, dengan skuad yang tidak seimbang serta ketandusan pemain di kawasan penting seperti bahagian tengah dan bek sisi.

"Ia adalah satu sumber kebanggaan yang besar kerana diberi peluang untuk berkhidmat kepada institusi yang luar biasa dan unik ini," kata Hughes. "Itu adalah sesuatu yang akan saya sentiasa syukuri."

"Penghargaan saya lanjutkan kepada pihak pemilik atas sokongan dan kepimpinan mereka, kepada kakitangan kelab di semua peringkat yang banyak mencurahkan tenaga untuk menjadikan Liverpool FC seperti hari ini, kepada para pemain yang memberikan sumbangan yang begitu besar, serta kepada para peminat yang menyokong pasukan dalam jumlah yang ramai."

Mike Gordon, presiden pemilik Liverpool iaitu Fenway Sports Group (FSG), berkata: "Richard menyertai kami pada permulaan tempoh perubahan, memikul tanggungjawab itu dengan memimpin jabatan operasi bola sepak kami dan menyelia pengambilan pemain serta memberikan sokongan berharga kepada staf kejurulatihan kami."

"Keputusan yang kami capai dalam bidang ini sepanjang tempoh tersebut adalah bukti kepada sumbangan ini. Walau bagaimanapun, kami menghormati pilihan hidup Richard dan mendoakan kesejahteraan beliau serta keluarganya dalam usaha mereka seterusnya."

Bulan lalu, FSG menjual hampir 40 peratus saham dalam gergasi Liga Perdana itu kepada sebuah konsortium yang merangkumi pengasas billionaire Amazon, Jeff Bezos. — AFP

West Ham tundukkan Derby 3-0, Swansea diikat Wrexham 0-0

LONDON: West Ham menewaskan Derby 3-0 pada Sabtu untuk mencatatkan kemenangan berturut-turut dalam liga Kejuaraan selepas permulaan yang hambar dalam kempen mereka, ketika pendahulu liga Swansea diikat 0-0 oleh pasukan sebandar Wales, Wrexham.

Skuad Hammers kendalian Nuno Espirito Santo hanya meraih dua mata daripada tiga perlawanan pertama mereka di divisyen dua Inggeris itu selepas tersingkir daripada Liga Perdana Inggeris musim lepas.

Namun mereka telah memenangi perlawanan berturut-turut buat kali pertama sejak Januari, menjaringkan tujuh gol dalam kemenangan menentang Wolves dan Derby untuk melonjakkan usaha pemburuan kelayakan ke liga teratas.

Joel Piroe menjaringkan gol awal di Stadium London tetapi pasukan tuan rumah perlu menunggu sehingga penghujung perlawanan sebelum mengesahkan kemenangan menerusi gol daripada pemain pengganti, Edvin Austbo dan Mohamadou Kante.

"Ia mengambil sedikit masa, daya tahan, kekal dalam perlawanan dan menunggu saat yang betul, tetapi ia pengurusan perlawanan yang positif," kata Nuno kepada BBC.

"Dan apabila kita mempunyai ruang, kita melakukannya dengan baik untuk menamatkan perlawanan."

Swansea duduk hanya satu mata di hadapan kelompok lima pasukan yang mengumpul 10 mata selepas melanjutkan permulaan tanpa kalah mereka walaupun gagal menembusi pertahanan Wrexham.

Gol ketujuh Will Lankshear daripada jumlah perlawanan yang sama dalam semua pertandingan memberikan Middlesbrough kemenangan 1-0 ke atas QPR yang sebelum ini tanpa kalah untuk melonjak ke tangga kedua.

Penyerang itu mempamerkan persembahan mengagumkan sejak berpindah dari Tottenham pada Julai dan penyelesaian pemancing golnya di separuh masa pertama meraih tiga mata penuh di Loftus Road.

Ketua jurulatih Kim Hellberg memuji kemenangan "besar" itu.

"Pada akhirnya, perlawanan menunjukkan setiap sudut perkara yang boleh kita lakukan," kata Hellberg. "65 minit pertama adalah sangat hebat. Kami mempunyai empat peluang besar untuk menamatkan perlawanan.

"Kami sentiasa bimbang apabila tidak menjaringkan gol tetapi kami bertahan dengan sangat baik, pujian harus diberikan kepada pemain pertahanan."

West Brom menewaskan Watford 1-0 dan Bristol City mengejutkan Burnley dengan dua gol lewat di Turf Moor untuk turut berada dalam jarak satu mata di belakang pendahulu liga.

Southampton melepaskan gol pada penghujung perlawanan untuk seri 1-1 di Lincoln dan ketinggalan tujuh mata dari puncak selepas mereka memulakan kempen dengan pemotongan empat mata akibat mengintip lawan playoff Middlesbrough pada penghujung musim lepas. — AFP

Jalani pembedahan tulang selangka, Pogacar tamatkan musim lebih awal

PARIS: Tadej Pogacar akan menamatkan musimnya lebih awal selepas menjalani pembedahan akibat patah tulang selangka yang dialaminya dalam satu kemalangan di Vuelta a Espana, kata beliau pada Sabtu, dengan kecederaan itu menyebabkan beliau tersingkir dari kejohanan dunia bulan ini.

"Sudah tentu, ini bukan cara yang saya mahukan untuk musim saya berakhir. Sekarang, perkara yang paling penting adalah untuk pulih dengan betul dan memberikan masa yang diperlukan oleh badan saya," kata Pogacar dalam satu kenyataan UAE Team Emirates-XRG.

Juara Tour de France sebanyak lima kali itu tersingkir dari perlumbaan Vuelta pada hujung minggu lalu dan dibawa ke hospital selepas terjatuh dengan teruk pada peringkat kelapan. Beliau juga mengalami gegaran otak dan keretakan serviks, berserta pelbagai luka dan lebam.

Pogacar telah mendahului dengan jurang besar tiga minit 50 saat seminggu dalam perlumbaan 21 hari itu dan menjadi pilihan utama untuk meraih kemenangan dalam usahanya melengkapkan sapuan bersih kerjaya bagi ketiga-tiga Grand Tour.

Pada bulan Julai, Pogacar menyertai kelab elit pemenang Tour de France lima kali bersama Jacques Anquetil, Eddy Merckx, Bernard Hinault dan Miguel Indurain.

Pemain berusia 27 tahun itu menyasarkan untuk menjadi pelumba keempat yang melengkapkan gelaran berkembar Tour-Vuelta dalam musim yang sama.

"Ia adalah musim dengan banyak detik istimewa dan saya berbangga dengan apa yang telah kami capai bersama. Sekarang saya akan memberi tumpuan untuk menjadi sihat, menyokong rakan-rakan dari rumah, dan kembali pada tahun depan bersedia untuk apa yang akan datang," kata Pogacar.

Bintang Slovenia itu merancang untuk menyasarkan gelaran perlumbaan jalan raya dunia ketiga yang menyamai rekod di Montreal pada lewat bulan ini sebelum mengintai kemenangan keenam berturut-turut Giro di Lombardy pada Oktober.

"Berikutan kemalangan beliau, sama sekali tiada tekanan untuk Tadej kembali berlumba tahun ini. Kesihatan dan pemulihannya adalah keutamaan," kata ketua pasukan UAE Emirates, Mauro Gianetti.

Pengarah perubatan Adrian Rotunno berkata Pogacar sedang pulih dengan baik, tetapi tiada faedah dalam mempercepatkan kepulangannya untuk berlumba.

"Tadej sedang menunjukkan kemajuan yang baik susulan pembedahan dan kami amat berpuas hati dengan pemulihannya setakat ini," katanya.

"Walau bagaimanapun, memandangkan gabungan kecederaannya... kami telah mengambil keputusan, bersama-sama dengan Tadej, bahawa beliau tidak akan kembali bertanding pada musim ini."

Pasukan itu turut mengumumkan bahawa Pogacar telah menandatangani lanjutan kontrak sehingga akhir musim 2032.

"Sejak awal, pasukan ini telah terasa seperti rumah bagi saya. Kami telah berkembang bersama selama bertahun-tahun dan berkongsi beberapa detik yang luar biasa, jadi saya amat gembira untuk melanjutkan kontrak saya sehingga 2032," kata Pogacar.

"Masih banyak yang ingin saya capai dalam sukan ini dan saya percaya ini adalah tempat yang betul untuk melakukannya." — AFP

POGACAR

Sepilok Jazz mampu jadi tarikan pelancongan antarabangsa

Gabung elemen seni, budaya, pelancongan, pemuliharaan alam sekitar

Oleh Hamzah Sanudin

SANDAKAN: Festival Muzik Sepilok Jazz dilihat mampu menjadi antara produk pelancongan bertaraf antarabangsa yang penting bagi Sabah, sekali gus membantu merancakkan sektor pelancongan dan ekonomi di Sandakan.

Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar Sabah, Datuk Jafry Ariffin, berkata penganjuran festival itu bukan sekadar mengetengahkan muzik jazz, malah menggabungkan elemen seni, budaya, pelancongan dan pemuliharaan alam sekitar.

Menurutnya, Sepilok Jazz mempunyai keunikan tersendiri apabila turut membawa misi menyokong usaha pemuliharaan penyu di Taman Pemuliharaan Penyu Walai, Pulau Libaran.

"Sepilok Jazz bukan sekadar festival muzik, sebaliknya platform yang menghimpunkan masyarakat, budaya dan komuniti melalui bahasa universal muzik.

"Pada masa sama, ia membawa misi penting dalam menyokong usaha pemuliharaan hidupan liar, khususnya penyu," katanya ketika berucap pada edisi kelima Sepilok Jazz 2026 di Rainforest Discovery Centre (RDC), Sepilok, di sini, Sabtu lalu.

Jafry berkata, edisi kali ini lebih meriah dengan penyertaan 18 kumpulan muzik dan lebih 100 pemuzik tempatan serta antarabangsa yang beraksi selama dua malam di tiga pentas. Antara nama besar yang membuat persembahan termasuklah Shila Amzah, Jeremy Monteiro, Mezzotono dari Itali, Class Act 80s dari Indonesia, Janet Lee, Tay Cher Siang, Roger Wang dan Yap Ling.

"Festival seperti ini bukan sahaja menghiburkan pengunjung, malah mampu memperkenalkan Sandakan dan Sabah kepada pelancong dari luar negara.

"Kita mahu Sepilok Jazz terus berkembang sehingga menjadi acara yang dinantinantikan dan mempunyai daya tarikan tersendiri di peringkat antarabangsa," katanya.

Dalam pada itu, Jafry berkata, program Bakat Sepilok Jazz turut menunjukkan perkembangan memberangsangkan apabila jumlah peserta meningkat daripada 85 orang pada 2024 kepada 105 peserta pada 2025 dan 132 peserta tahun ini.

Katanya, peningkatan itu membuktikan semakin ramai golongan muda berminat terhadap muzik jazz dan mahu mengembangkan bakat dalam bidang berkenaan.

"Ini perkembangan yang sangat positif kerana kita bukan sahaja membina bakat baharu, tetapi memberi peluang kepada generasi muda untuk tampil ke hadapan dan mengembangkan potensi mereka," katanya.

Jafry berkata, program 'BIG BAND, BIG BANG! Music Symposium and Mentorship Programme' yang membabitkan 50 pelajar tempatan turut memberi pendedahan kepada pemuzik muda Sabah menerusi bimbingan pemuzik dari Singapura.

Menurutnya, program selama tiga hari itu membabitkan Jazz Association Youth Orchestra (JASSYO!) dari Singapura yang berkongsi ilmu dan pengalaman dengan peserta tempatan.

Beliau berkata, kira-kira 80 pemuzik Sabah dan Singapura turut bergabung dalam satu persembahan khas pada festival berkenaan.

"Program seperti ini penting untuk membuka peluang kepada bakat tempatan membina jaringan, meningkatkan kemahiran dan mendapat pendedahan di peringkat antarabangsa," katanya.

Sementara itu, Jafry berkata, Sepilok Jazz turut menjadi sebahagian daripada Sabah Fest 2026, yang tahun ini diperluaskan ke beberapa lokasi termasuk Kudat, Sandakan, Tawau dan Kuala Lumpur.

Katanya, lebih 50 acara pelancongan, kebudayaan dan komuniti di seluruh Sabah turut disokong menerusi sambutan Sabah Fest tahun ini.

"Di Sandakan, kita membawa persembahan kebudayaan khas Sabah Fest 2026 ke Sepilok Jazz menerusi persembahan tarian tradisional Sabah.

"Ini memberikan dimensi baharu kepada festival dan membolehkan pengunjung menikmati muzik sambil mengenali kekayaan budaya serta warisan negeri," katanya.

Jafry berkata, penganjuran acara seperti Sepilok Jazz wajar diperluaskan kerana mampu memberi limpahan ekonomi kepada komuniti setempat, selain mengukuhkan imej Sandakan sebagai destinasi pelancongan dan kebudayaan.

PENGHARGAAN: Jafry (tengah) menerima cenderamata daripada penganjur Sepilok Jazz 2026.

TAHNIAH: Jafry menyampaikan hadiah kepada pemenang tempat pertama pada Sepilok Jazz 2026 di Rainforest Discovery Centre (RDC), Sepilok, Sandakan.

KENANGAN: Nor Rashidi (tengah), Shamsul (kanan) dan Imbran (kiri) bergambar kenangan bersama pelajar yang menjayakan Program 'Maybank Global CR Day 2026: Cahaya Future Ready'.

Maybank perkasakan generasi pelajar Labuan ke arah masa depan pendidikan cemerlang

LABUAN: Program 'Maybank Global CR Day 2026: Cahaya Future Ready' memberi pendedahan serta motivasi kepada pelajar sekolah menengah mengenai peluang melanjutkan pelajaran ke peringkat lebih tinggi.

Program yang dianjurkan oleh Maybank International Labuan Branch dengan kerjasama Bahagian Hal Ehwal Pelajar Universiti Malaysia Sabah Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) di sini pada Sabtu lepas.

Program itu dijayakan 150 pelajar Tingkatan 4 dan 5 di Wilayah Persekutuan Labuan.

Antara pengisian utama ialah sesi interaktif berkaitan saluran dan cara memohon ke institusi pengajian tinggi, termasuk Foundation/Diploma UMS, Matrikulasi, Form 6, Institut Perguruan Guru (IPG) dan Technical and Vocational Education and Training (TVET).

Selain sesi motivasi dan perkongsian pengalaman, peserta turut dibawa melawat sekitar kampus UMSKAL bagi memberi gambaran sebenar kehidupan universiti.

Dalam semangat tanggungjawab sosial korporat, pihak Maybank turut menyumbangkan dana sebanyak RM6,300 kepada Dapur Siswa UMSKAL yang disampaikan Nor Rashidi kepada Prof. Dr. Shamsul Bahari sebagai inisiatif membantu pelajar B40 di kampus.

Pengarah UMSKAL, Prof. Dr. Shamsul Bahari Shamsudin berkata, program itu menjadi platform strategik memperkukuh hubungan antara sektor korporat dan pendidikan tinggi, sekali gus menyemai semangat kesukarelawan serta kesiapsiagaan pelajar menghadapi masa depan yang lebih cerah.

Shamsul mengucapkan terima kasih atas sumbangan berkenaan dan berharap pelajar UMSKAL lebih bersemangat dalam pembelajaran mengejar kecemerlangan.

"Kami mengalu-alukan sumbangan daripada Maybank International Labuan Branch dan sektor korporat dan swasta serta individu untuk membantu pelajar UMSKAL," katanya.

Turut hadir, Besar Cawangan Maybank International Labuan, Nor Rashidi Mohammad; Timbalan Pengarah Sektor Pembangunan Murid, Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Labuan, Imbran Yunus serta Ketua Bahagian Hal Ehwal Pelajar UMSKAL, Nur Iman Reedzal.

BANTU: Nor Rashidi (empat kanan) menyerahkan sumbangan dana Maybank untuk membantu Dapur Siswa UMSKAL kepada Profesor Dr. Shamsul Bahari sebagai inisiatif membantu pelajar B40 di UMSKAL.

Pembimbing Suai Mesra UMSKAL terima watikah pelantikan

LABUAN: Seramai 53 Pembimbing Suai Mesra (PSM) Universiti Malaysia Sabah Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) menerima watikah pelantikan pada Majlis Watikah Pelantikan Sempena Minggu Suai Mesra (MSM) kali ke-32 bagi sesi akademik 2026/2027 di sini pada Ahad.

Majlis penyampaian watikah itu disempurnakan oleh Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA), Universiti Malaysia Sabah (UMS), Prof. Dr. Raman Noordin.

Dalam ucapan amanatnya, Raman menzahirkan harapan agar PSM dapat menjalankan tanggungjawab dengan penuh dedikasi serta bersedia dari segi fizikal, mental dan emosi dalam melaksanakan amanah yang diberikan.

Beliau turut mengucapkan selamat menjalankan tugas kepada semua PSM, dengan keyakinan mereka akan menjadi tulang belakang dalam menyambut pelajar baharu dan membimbing mereka menyesuaikan diri dengan kehidupan universiti.

Katanya, pelantikan itu bertujuan mengiktiraf peranan PSM dalam kalangan pelajar UMSKAL bagi menyumbang kepada kejayaan universiti.

Di samping itu katanya, ia juga bagi menyemai sikap bertanggungjawab terhadap tugasan yang diamanahkan.

"Pelantikan PSM adalah dalam kalangan pelajar yang mempunyai peribadi yang baik, di samping mempunyai keputusan yang cemerlang.

"Saya berharap PSM dapat memikul tanggungjawab dengan jujur, berani, berdedikasi dan bijak membuat keputusan.

"UMS berharap akan dapat melahirkan pelajar yang bakal menjadi pemimpin negara masa masa hadapan serta berguna kepada agama, bangsa dan negara," katanya.

Beliau berkata, Program Minggu Suai Mesra itu bertujuan menyambut kehadiran pelajar baharu yang bakal melapor diri bagi sesi akademik 2026/2027, serta memperkenalkan budaya kampus, semangat kekeluargaan dan jati diri mahasiswa UMSKAL.

Raman mengucapkan terima kasih kepada semua PSM, pegawai dan kakitangan UMSKAL yang akan menjalankan tugas pada MSM kali ini.

"Penyampaian watikah bukan sekadar simbolik tetapi amanah yang perlu dipikul PSM terhadap universiti," katanya.

KOMITED: Raman (tengah), Shamsul (dua kiri), Hadzariah, Nur Iman (kiri) dan Nurul Anisyah (kanan) bergambar kenangan bersama Pembimbing Suai Mesra di UMSKAL pada Ahad.

Komuniti pengusaha disaran tubuh koperasi, manfaat bantuan kerajaan

TAMBUNAN: Semua pengusaha di daerah ini khususnya yang terbabit dalam sektor pelancongan dan pertanian berasaskan komuniti disaran menubuhkan koperasi bagi memperkukuh modal, memperluas pasaran serta meningkatkan manfaat ekonomi kepada penduduk setempat.

Timbalan Pengerusi Sawit Kinabalu dan Borneo Samudera, Datuk Victor P. Paut, berkata pendekatan berkoperasi mampu menggabungkan kekuatan pengusaha kecil dan komuniti supaya mereka mempunyai kedudukan lebih kukuh untuk mengembangkan aktiviti ekonomi masing-masing.

Menurutnya, koperasi bukan saja menjadi platform menghimpunkan modal ahli, malah membuka peluang kepada pengusaha untuk mendapatkan pelbagai bentuk sokongan dan bantuan kerajaan yang disediakan bagi memperkasakan gerakan koperasi.

"Saya menasihatkan kepada semua pengusaha terutamanya yang terlibat dalam sektor pelancongan dan pertanian secara komuniti di daerah Tambunan ini agar menubuhkan koperasi sebab dengan adanya inisiatif ini, modal mereka akan bertambah dan manfaat kepada penduduk sekitarnya juga besar.

"Malah, mereka dapat meningkatkan lagi sifat kerjasama antara satu sama lain untuk membangunkan ekonomi setempat," katanya ketika ditemui selepas merasmikan Karnival Kemerdekaan Tahun 2026 Peringkat Taman Marawagas Mukim Monsog, kelmarin.

Victor yang juga Penyelaras Parti Gagasan Rakyat Sabah (Gagasan Rakyat) Tambunan berkata, kerajaan di peringkat Persekutuan dan negeri sentiasa memberi perhatian terhadap pembangunan koperasi sebagai salah satu mekanisme untuk memperkukuh ekonomi masyarakat, khususnya usahawan kecil dan komuniti luar bandar.

Katanya, antara kelebihan berkoperasi ialah anggota boleh menggembleng modal secara bersama selain berpeluang mendapatkan bimbingan, latihan, khidmat nasihat serta kemudahan pembiayaan atau bantuan pembangunan yang disediakan agensi berkaitan mengikut bidang dan kelayakan koperasi.

"Kalau bergerak secara individu, kemampuan setiap pengusaha mungkin terhad, tetapi apabila mereka bergabung dalam koperasi, kekuatan modal, tenaga, kepakaran dan jaringan pasaran boleh dipertingkatkan.

"Pada masa sama, koperasi yang aktif dan mempunyai pengurusan baik lebih mudah merancang projek secara bersama serta memanfaatkan peluang bantuan kerajaan yang disediakan," katanya.

Victor berkata, koperasi dapat membantu meningkatkan kemahiran anggota menerusi program latihan, pembangunan keusahawanan dan pengurusan perniagaan yang dilaksanakan agensi kerajaan serta badan berkaitan.

Menurutnya, aspek tadbir urus dan pengurusan kewangan perlu diberi keutamaan supaya koperasi yang ditubuhkan benar-benar mampu bertahan dan berkembang dalam jangka panjang.

"Kita mahu koperasi yang ditubuhkan bukan sekadar atas nama, tetapi benar-benar aktif, mempunyai perancangan perniagaan dan memberi pulangan kepada anggota serta masyarakat.

"Dengan pengurusan yang baik, bantuan dan peluang yang disediakan kerajaan boleh dimanfaatkan untuk mengembangkan perniagaan koperasi," katanya.

Beliau berkata, Tambunan mempunyai potensi besar dalam sektor pertanian dan pelancongan berasaskan komuniti yang boleh terus diterokai dengan penglibatan masyarakat secara lebih tersusun.

Katanya, kerjasama menerusi koperasi juga mampu mewujudkan ekosistem ekonomi setempat yang saling melengkapi, sekali gus memastikan lebih banyak nilai ekonomi kekal dan berputar dalam kalangan masyarakat tempatan.

"Yang penting ialah semangat kerjasama. Kita mahu pengusaha dan masyarakat melihat pembangunan ekonomi ini sebagai usaha bersama. Kalau kita bersatu melalui koperasi, lebih banyak perkara boleh dibuat dan manfaat pembangunan dapat dirasai oleh lebih ramai penduduk," jelasnya.

Peruntukan KPKM harus ditambah seiring dengan prestasi: PM Anwar

SERDANG: Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim memberikan bayangan bahawa peruntukan untuk Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) akan ditambah dalam Belanjawan 2027, seiring dengan prestasi cemerlang kementerian berkenaan yang membanggakan tahun ini.

Beliau berkata komitmen itu juga selaras dengan peranan KPKM sebagai tonggak utama dalam memperkasakan sektor pertanian di negara ini.

"Sebab Kerajaan MADANI memberikan tumpuan khas kegiatan perkembangan program kementerian ini dan perkara yang digesa oleh Datuk Seri Mohamad Sabu saya fikirkan (ketika) merangka belanjawan bulan Oktober ini.

"Sekadar perbincangan awal kita … saya sebutkan tadi beberapa tonggak dan ikhtiar baharu kementerian dan prorgam pertanian ini masih merupakan fokus dan saya percaya peruntukan itu harus ditambah sesuai dengan

ANWAR

prestasi yang membanggakan," kata beliau.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Perasmian Penutupan Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agropelancongan (MAHA) 2026 di Taman Ekspo Pertanian Malaysia (MAEPS), di sini, semalam.

Yang turut hadir ialah Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan Datuk Seri Mohamad Sabu, Menteri Besar Selangor Datuk Seri Amiruddin Shari, Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Shamsul Azri Abu Bakar dan Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan Datuk Seri Isham Ishak.

Anwar berkata beliau tidak mempunyai sebarang halangan untuk meningkatkan dana bantuan kepada kementerian itu memandangkan langkah berkenaan akan memberikan faedah dan manfaat secara langsung kepada golongan petani, pesawah, peladang serta nelayan.

Bagaimanapun, Perdana Menteri mengingatkan agar pertambahan peruntukan tersebut disusuli dengan tatakelola yang ketat, cermat dan berintegriti bagi mengelakkan sebarang ketirisan atau kebocoran dana.

Dalam pada itu, Anwar turut memuji kejayaan penganjuran MAHA 2026 yang mencatat pencapaian luar biasa dan rekod kehadiran tertinggi dalam sejarah, sekali gus membuktikan minat serta tumpuan mendalam rakyat terhadap sektor pertanian negara.

Beliau berkata kejayaan itu diterjemahkan apabila MAHA merekodkan lebih 4.3 juta pengunjung dengan nilai jualan keseluruhan RM66.88 juta bagi edisi kali ini.

"Ternyata MAHA 2026 dengan pasukan hebat tahun ini mencatat kemajuan tertinggi dalam sejarah, tetapi kelainannya menarik perhatian kerana penyertaan peladang, petani, pelabur, pengusaha daripada pelbagai sektor industri pertanian dan penyertaan rakyat keseluruhannya," kata beliau.

MAHA edisi ke-14 berlangsung dari 28 Ogos dan menutup tirainya hari ini, membabitkan kira-kira 2,000 pempamer dan sasaran kehadiran lebih empat juta pengunjung.

Pameran itu merupakan platform utama sektor pertanian negara yang menghimpunkan pemain industri, agensi kerajaan, usahawan serta institusi penyelidikan dan pendidikan tinggi bagi mengetengahkan inovasi, teknologi dan peluang perniagaan dalam sektor agromakanan. — Bernama

JUALAN TENDER PELIKUIDASI

Pelawaan untuk pembelian sebuah ladang kelapa sawit beserta struktur sokongan yang dipegang di bawah Pajakan Sementara 226290124 terletak dalam Daerah Kota Marudu, Sabah.

Butiran ringkas asset-aset milik Syarikat yang ditawarkan untuk dijual adalah seperti berikut: -

Alamat Hartanah	Lokaliti Kampung Tandek, Daerah Kota Marudu, Sabah
Keluasan Tanah	1,128 hektar
Kategori Tanah	Ladang kelapa sawit
Taraf Pegangan	Pajakan selama 99 tahun
Pemilik Berdaftar	Holiday Cum Investment Sdn. Bhd.

Memorandum Maklumat serta dokumen-dokumen lampiran yang mengandungi butiran hartanah yang ditawarkan untuk dijual serta Terma dan Syarat Jualan boleh diperolehi daripada Pelikuidasi pada harga RM100.00 setiap salinan. Pembayaran hendaklah dibuat secara tunai/draf jurubank yang memihak kepada "**SC CORPORATE RECOVERY SDN BHD**". Bakal pembeli hendaklah mengemukakan bukti kewangan yang memuaskan kepada Pelikuidasi bagi membolehkan mereka menyertai tender.

Setiap tawaran mesti disertakan dengan Bank Draf berjumlah **3% daripada harga tawaran sebagai 'Forfeitable Earnest Deposit' yang akan dikembalikan hanya jika tawaran ditolak oleh Pelikuidasi**. Dengan mengemukakan tawaran kepada Pelikuidasi, pemberi tawaran dianggap telah membaca dan bersetuju dengan Terma dan Syarat Jualan seperti yang dinyatakan dalam **Memorandum Maklumat serta dokumen-dokumen lampiran**.

Semua tawaran hendaklah dikemukakan dalam sampul surat tertutup, yang ditandakan dengan nombor rujukan "**20261007-HOLIDAYOFFER**" di penjuru kiri sebelah atas sampul surat dan harus sampai ke Pelikuidasi selewat-lewatnya pada jam **5 petang** pada **7 Oktober 2026** di alamat di bawah:

Holiday Cum Investment Sdn. Bhd. (Dalam Penggulungan)
c/o SC Corporate Recovery Sdn Bhd
59, Jalan Thambipillay,
Brickfields 50470,
Kuala Lumpur.
Tel No: +603-2272 3435/+603-2272 2939

Pelikuidasi tidak terikat untuk menerima tawaran tertinggi atau sebarang tawaran.

DI DALAM MAHKAMAH TINGGI SYARIAH NEGERI SABAH DI KOTA KINABALU,SABAH

DALAM PERKARA: PERMOHONAN PEMBAHAGIAN HARTA PUSAKA Simati PERMOHONAN: 2607-H0112-311-0270

NOTIS PENYAMPAIAN GANTI PERMOHONAN PEMBAHAGIAN HARTA PUSAKA

Kepada:
Semua ahli waris Simati dan Sesiapa yang berkenaan

AMBIL PERHATIAN bahawa **RINA FARIZAN BINTI ABDUL RAZAK NO KP: 920523-15-5100** akan memohon kepada Mahkamah ini pada **23** haribulan **SEPTEMBER 2026**, jam **9.00 Pagi** untuk Permohonan Pembahagian Harta Pusaka Simati **ABDUL RAZAK BIN MOHD SALLEH**

Sesiapa berhajat menentang Permohonan ini atau jika kamu mempunyai kepentingan ke atas harta-harta Simati, kamu atau Peguam Syarie kamu bolehlah membuat semakan di Mahkamah ini mengenai fakta-fakta permohonan yang tersebut dan bolehlah selepas itu memfailkan di Mahkamah ini dan menyampaikan satu salinan kepada Pemohon Notis Bantahan dan afidavit sebelum tarikh permohonan ini didengar atau hadir di Mahkamah pada tarikh itu

Bertarikh pada **6 haribulan September Tahun 2026**

NOTIS ini telah difailkan oleh **Tetuan Dayana Chacho Associates** beralamat di **Likas Square Lot 17B, LEVEL 1, 88400 KOTA KINABALU SABAH**.
No tel: 0133291256
Email: dayanachachoassoc@gmail.com
287384(KK)JLTT

Komuniti MADANI perlu jadi jambatan rakyat, kerajaan: Dr Wan Azizah

KUALA LUMPUR: Komuniti MADANI perlu memainkan peranan lebih besar sebagai jambatan dua hala yang bukan sahaja menyampaikan maklumat kerajaan, malah peka mendengar permasalahan rakyat di peringkat akar umbi.

Isteri Perdana Menteri yang juga Ahli Parlimen Bandar Tun Razak Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail berkata peranan itu penting bagi memastikan setiap dasar dan inisiatif kerajaan sampai kepada sasaran, selain menyalurkan suara masyarakat kepada pihak berkuasa secara berkesan.

"Komuniti MADANI berperanan sebagai jambatan dua hala dalam membawa maklumat kerajaan kepada rakyat dan menyampaikan suara rakyat kembali kepada kerajaan.

"Jangan sekadar menjadi penyampai maklumat tetapi jadilah pendengar yang peka terhadap masalah warga emas, keluarga dalam kesusahan serta keperluan anak muda," katanya ketika merasmikan Majlis Penyerahan Watikah Komuniti MADANI Parlimen Bandar Tun Razak di sini semalam.

Turut hadir Setiausaha Politik kepada Perdana Menteri Datuk Azman Abidin, Pengarah Jabatan Penerangan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya Normaizatulakmal Tujad serta Pengerusi Komuniti MADANI Parlimen Bandar Tun Razak Jonathan Vela.

Dr Wan Azizah berkata sebagai mata dan telinga kerajaan, ahli komuniti perlu proaktif mengambil tindakan susulan dengan menyalurkan sebarang isu dihadapi masyarakat kepada agensi atau pihak berkuasa berkaitan untuk tindakan lanjut.

Beliau berkata walaupun Komuniti MADANI mungkin tidak mampu menyelesaikan semua permasalahan yang dibangkitkan, jaringan itu perlu memastikan setiap isu sampai kepada pihak yang mempunyai kuasa dan tanggungjawab untuk mengambil tindakan.

Dalam pada itu, Dr Wan Azizah berkata Komuniti MADANI juga perlu menjadi benteng utama dalam mengekang penyebaran

DR WAN AZIZAH

maklumat palsu yang boleh menjejaskan keharmonian masyarakat.

"Dalam era media sosial, maklumat palsu bergerak pantas dan boleh menjejaskan keharmonian. Komuniti MADANI mesti menjadi benteng utama menyekat fitnah dengan berpegang kepada prinsip 'semak sebelum sebar'. Kita boleh berbeza pandangan tetapi kekalkan sikap saling menghormati," katanya.

Beliau turut mengingatkan kekuatan sebenar sesebuah komuniti terletak pada hubungan antara jiran dan kesediaan masyarakat pelbagai kaum serta latar belakang untuk saling membantu dan bekerjasama.

Sehubungan dengan itu, Dr Wan Azizah berkata penerima watikah perlu memegang amanah dan integriti, proaktif mendekati masyarakat serta menjadi pendengar yang baik terhadap luahan rakyat.

Pada majlis itu, beliau turut menyampaikan Anugerah Duta Komuniti MADANI kepada Azizi Anas dan S. Yugan, selain watikah pelantikan kepada wakil daripada enam subzon Parlimen Bandar Tun Razak.

Komuniti MADANI adalah penjenamaan semula daripada 1,878 Komuniti Keluarga Malaysia susulan pelancaran gagasan Malaysia MADANI pada 19 Jan 2023.

Di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya, sebanyak 72 Komuniti MADANI telah diwujudkan, dengan kekuatan jaringan itu bergantung kepada peranan sukarelawan yang meluangkan masa dan tenaga untuk berkhidmat kepada masyarakat. — Bernama

Gangguan bekalan simen dijangka pulih bulan ini

Dari Muka 1

"Bekalan simen dijangka pulih sepenuhnya pada pertengahan September ini," katanya dalam kenyataan, semalam.

Beliau berkata, CIS turut meningkatkan perolehan bekalan klinker dan simen pukal bagi memastikan permintaan tinggi terhadap bahan binaan itu dapat dipenuhi.

Langkah berkenaan katanya, penting bagi memastikan bekalan simen dapat disalurkan secara berterusan kepada pengguna dan pemain industri pembinaan di Sabah.

CIS turut memohon kerjasama serta kefahaman semua pihak sepanjang tempoh pemulihan bekalan berkenaan.

133 PTI ditahan dalam 20 operasi di Sabah

Dari Muka 1

Menurutnya, daripada jumlah itu, 133 individu ditahan kerana disyaki melakukan pelbagai kesalahan imigresen.

"Jumlah tangkapan membabitkan 97 warga Filipina terdiri daripada 45 lelaki, 25 wanita, 18 kanak-kanak lelaki dan sembilan kanak-kanak perempuan.

"Turut ditahan ialah 32 warga Indonesia membabitkan 27 lelaki dan lima wanita serta empat lelaki warga Pakistan," katanya dalam kenyataan semalam.

Sitti Saleha berkata, penguatkuasaan akan terus dipergiatkan secara berterusan di lokasi strategik seluruh Sabah bagi membanteras kehadiran PTI selain menangani penyalahgunaan kemudahan imigresen.

Katanya, tindakan itu penting bagi memastikan pematuhan terhadap undang-undang imigresen serta membendung aktiviti yang boleh menjejaskan keselamatan dan ketenteraman awam.

Dalam pada itu, beliau mengingatkan orang ramai supaya tidak melindungi, menggaji atau membantu warga asing yang melanggar undang-undang negara.

"Orang ramai yang mempunyai maklumat berkaitan kegiatan PTI boleh menyalurkannya kepada JIM Sabah melalui portal Sistem Pengurusan Aduan Awam (SISPAA) atau Sistem Pertanyaan Online (SPO)," katanya.

RCI TH: Reman bekas menteri disambung dua hari

KUALA LUMPUR: Tempoh reman seorang bekas menteri yang ditahan bagi membantu siasatan berhubung isu pajakan hotel berkaitan Lembaga Tabung Haji (TH) di Arab Saudi, disambung dua hari.

Menurut sumber, perintah reman bermula hari ini hingga Selasa terhadap lelaki berumur lingkungan 60-an itu dikeluarkan oleh Majistret Muhammad Bukhori Md Ruslan Zakariah selepas permohonan dibuat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) di Mahkamah Majistret Putrajaya, pagi semalam.

Ketua Pesuruhjaya SPRM Datuk Seri Abd Halim Aman ketika dihubungi berkata kes disiasat di bawah Seksyen 16(a)(A) Akta SPRM 2009.

Media sebelum ini melaporkan bekas menteri itu ditahan ketika hadir memberikan keterangan di SPRM dan direman lima hari bermula dari Rabu lepas hingga semalam.

Laporan Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) TH didedahkan kepada umum pada 29 Julai, yang merekodkan pelbagai kelemahan pengurusan dan operasi TH bagi tempoh 2014 hingga 2020, serta menyenaraikan pelaburan bermasalah yang memerlukan audit forensik.

Laporan itu turut menyebut bahawa wujudnya transaksi yang mencurigakan dan penyembunyian maklumat. — Bernama

Harimau Malaya betina dilepas ke Taman Negara di Tasik Kenyir

KUALA TERENGGANU: Seekor Harimau Malaya betina yang ditangkap di Kampung Choh, Sungai Siput, Perak pada 22 Julai lepas berjaya dilepaskan ke habitat semula jadi secara saintifik dan terancang di Taman Negara Terengganu, Tasik Kenyir, dekat Hulu Terengganu kelmarin.

Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES) dalam kenyataan semalam memaklumkan haiwan yang dinamakan Yong Choh dianggarkan berusia tujuh tahun itu, telah melalui proses rehabilitasi di Pusat Menyelamat Hidupan Liar Kebangsaan (NWRC) di Sungkai, Perak selepas diselamatkan daripada konflik manusia dan hidupan liar.

Menurut kenyataan itu, haiwan liar berkenaan selesai menjalani pemeriksaan veterinar, persampelan darah dan pemeriksaan penyakit serta disahkan sihat oleh Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITANs) Semenanjung Malaysia untuk dilepaskan ke habitat semula jadi.

"Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam Datuk Seri Arthur Joseph Kurup telah menyempurnakan Majlis Perasmian Tongkang Pemindahan Hidupan Liar dan Pelepasan Hidupan Liar di Taman Negara Terengganu di Tasik Kenyir semalam (kelmarin).

"Program ini mencatat detik bersejarah apabila buat pertama kalinya seekor Harimau Malaya liar yang dinamakan Yong Choh, yang diselamatkan daripada konflik manusia dan hidupan liar dilepaskan semula ke habitat semula jadinya secara saintifik serta terancang," menurut kenyataan itu.

NRES turut memaklumkan program itu adalah antara langkah strategik Perhilitan dalam memperkukuh usaha pemuliharaan spesies Harimau Malaya dan Gajah Asia.

Ia bukan sahaja mampu meningkatkan populasi hidupan liar di habitat asal, malah mengurangkan konflik antara manusia dengan hidupan berkenaan, selain menambah kepelbagaian genetik populasi haiwan liar yang dilepaskan.

Antara hidupan liar yang dilepaskan melalui program itu termasuk harimau kumbang, rusa sambar, kijang, tenggiling, musang pandan, pelanduk dan napuh. Selain itu, gajah yang terlibat dengan konflik antara manusia turut dilepaskan semula ke habitat semula jadi. — Bernama

PROSES MENYELAMAT: Selepas melalui proses menyelamat dan rehabilitasi, Harimau Malaya betina yang dinamakan Yong Choh akhirnya kembali ke alam bebas apabila berlari memasuki habitat semula jadinya di Taman Negara Terengganu, Tasik Kenyir, dekat Hulu Terengganu, Kuala Berang. — Gambar Bernama

Peruntukan RM8.24 juta perkasa wanita di Sabah

Dari Muka 1

Rina turut merakamkan penghargaan kepada Jabatan Penerangan Daerah Tawau kerana berjaya melaksanakan Program Jiwa@Komuniti MADANI bersama masyarakat di peringkat DUN Kukusan.

Katanya, program itu merupakan program kelima daripada tujuh DUN yang dirancang, sekali gus menjadi platform untuk mendekati masyarakat serta menyemarakkan semangat Bulan Kebangsaan dan Bulan Kemerdekaan.

"Program seumpama ini penting kerana apabila maklumat dapat terus diterima masyarakat, mereka akan lebih mengetahui peluang, bantuan dan program yang disediakan kerajaan.

"Jadi, kita akan terus memberikan sokongan daripada peringkat kerajaan negeri supaya usaha seperti ini dapat dilaksanakan secara berterusan," katanya.

KKR mohon peruntukan khas jurutera daerah naik kepada RM300,000

JITRA: Kementerian Kerja Raya (KKR) memohon supaya peruntukan khas kepada setiap Jurutera Daerah (JD) Jabatan Kerja Raya (JKR) dinaikkan daripada RM200,000 kepada RM300,000 setahun dalam Belanjawan 2027.

Timbalan Menteri Kerja Raya Datuk Seri Ahmad Maslan berkata peningkatan itu penting bagi membolehkan JKR bertindak lebih pantas menyelesaikan aduan rakyat, selain memastikan aspek keselamatan jalan raya sentiasa diberi perhatian.

Beliau berkata peruntukan khas itu yang diperkenalkan pada 2024 membolehkan JD melaksanakan kerja-kerja segera tanpa perlu melalui prosedur perolehan biasa yang mengambil masa lebih lama.

"Antara masalah yang boleh diselesaikan dengan peruntukan ini ialah melaksanakan kerja-kerja garisan jalan, longkang, pokok yang perlu dicantas, perabot jalan, isyarat serta papan tanda yang uzur.

"Kalau berlaku kemalangan dan papan tanda atau pengadang jalan rosak, kita boleh terus membaikinya dengan segera," katanya kepada pemberita selepas mengadakan lawatan kerja ke Pejabat Jurutera Daerah JKR Daerah Kubang Pasu di sini semalam.

Ahmad berkata permohonan itu telah dikemukakan kepada Kementerian Kewangan menerusi dialog Belanjawan 2027 dan pihaknya berharap mendapat pertimbangan sewajarnya.

Beliau berkata peruntukan berkenaan amat penting memandangkan kos penyelenggaraan semakin meningkat, selain keadaan perabot jalan yang semakin berusia dan memerlukan kerja baik pulih serta pengecatan semula.

Dalam perkembangan berkaitan, Ahmad berharap KKR terus menerima peruntukan pembangunan tertinggi dalam kalangan 28 kementerian dalam Belanjawan 2027 yang akan dibentangkan nanti bagi memastikan pelbagai projek infrastruktur untuk rakyat dapat dilaksanakan.

Beliau berkata KKR menerima RM9.6 bilion peruntukan pembangunan tahun ini, termasuk bagi pembinaan dan penyelenggaraan jalan serta bangunan, selain kerja membaiki dan membina cerun serta jambatan.

"Kita berharap tahun depan bukan sahaja peruntukan kepada JD ditambah tetapi KKR dikekalkan sebagai kementerian yang menerima peruntukan pembangunan terbesar kerana masih banyak projek pembangunan untuk rakyat perlu dilaksanakan," katanya. — Bernama

Penduduk desak pemaju tampil selesaikan isu parkir

Pemaju perlu berunding menjawab persoalan yang dibangkitkan

LOI KOK LIANG

TONY KOH

KOTA KINABALU: Penduduk yang terjejas akibat cadangan pemindahan petak parkir mendesak pihak pemaju dan pengurusan tampil berunding serta menjawab persoalan yang dibangkitkan.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Api-Api, Loi Kok Liang berkata, pelbagai usaha secara baik dan berhemah telah dilakukan sebelum ini bagi mendapatkan penjelasan daripada pihak pemaju dan pengurusan.

Bagaimanapun jelasnya, wakil penduduk mendakwa maklum balas yang diterima daripada pihak pemaju disifatkan sebagai tidak bertanggungjawab.

Menurutnya, isu berkenaan bukan perkara yang berlaku dalam tempoh sehari atau dua hari, sebaliknya masalah itu menyebabkan rasa tidak puas hati dalam kalangan penduduk sehingga mendorong mereka mengadakan sidang media.

Katanya, sidang media itu diadakan bagi memberi ruang kepada penduduk menyuarakan perkara yang ingin diketengahkan kepada pihak media, dengan harapan tekanan berkenaan dapat mendorong pihak pemaju tampil bertemu dan mendengar suara penduduk.

Beliau berkata, antara isu utama yang dibangkitkan ialah arahan kepada sebahagian penduduk di salah sebuah kediaman servis mewah bersebelahan dengan pusat beli-belah terkenal di sini untuk memindahkan petak parkir yang digunakan mereka selama lebih 10 tahun.

"Perkara ini menyebabkan banyak ketidakpuasan hati dan juga kesesakan. Persoalannya, apakah yang akan dilakukan oleh pemaju terhadap petak parkir yang diminta untuk dipindahkan itu," katanya semasa ditemui selepas sidang media berkenaan.

Menurutnya, berdasarkan maklumat yang diterimanya, pihak berkuasa berkaitan baru-baru ini telah meluluskan pembinaan lot kedai baharu oleh pemaju, selain pemindahan petak parkir asal yang kini digunakan penduduk untuk dijadikan parkir premium yang boleh menjana kutipan bayaran parkir lebih tinggi.

Beliau berkata, ketika kediaman servis mewah di blok A dan B menerima Sijil Kelayakan Menduduki (OC), petak parkir berkenaan telah diluluskan bersama kepada pemilik unit terbabit.

"Namun sekarang, petak parkir yang sama dan sebelum ini diluluskan dalam pelan pembangunan kepada pemilik kediaman servis mewah A dan B turut diluluskan untuk dijadikan parkir premium kepada pelanggan lot kedai," katanya.

Beliau berkata, perkara itu menjadi antara isu utama yang menyebabkan penduduk tidak berpuas hati kerana mereka mahu terus menggunakan petak parkir asal.

Katanya, penduduk bukan mempertikaikan pembangunan yang telah diluluskan, sebaliknya tidak mahu perubahan itu menyebabkan mereka menanggung kesan atau kesulitan.

Selain itu katanya, selepas penduduk cuba mendapatkan penjelasan daripada pihak pemaju dan pengurusan, mereka tidak memperoleh jawapan yang memuaskan sebelum tampil meminta bantuan untuk menyuarakan perkara berkenaan.

"Penduduk telah membayar yuran pengurusan selama 10 tahun, tetapi dalam masa yang sama mereka seolah-olah tidak mempunyai kawalan penuh terhadap hartanah mereka sendiri.

"Pemaju yang menerima bayaran penuh bagi hartanah itu 10 tahun lalu kini boleh mengatakan petak parkir mereka mahu dijadikan parkir premium atau dipindahkan untuk pembangunan lot kedai," katanya.

Beliau berkata, keadaan itu turut menimbulkan kebimbangan mengenai hak pemilik hartanah pada masa akan datang.

"Jika saya membeli bangunan baharu, selepas 10 tahun adakah pemaju boleh meminta saya berpindah begitu sahaja kerana perkara sama pernah berlaku sebelum ini?" katanya.

Menurutnya, perkara itu tidak seharusnya menjadi contoh untuk dijadikan alasan pada masa hadapan sekiranya situasi sama berlaku di pembangunan lain.

"Jika perkara ini berlaku sekarang, kita tidak tahu bila pemaju lain akan menggunakan perkara yang sama sebagai alasan pada masa akan datang," katanya.

Dalam pada itu, beliau turut meminta kementerian berkaitan memberikan penjelasan berhubung pelaksanaan dua enakmen baharu yang diluluskan di Dewan Undangan Negeri (DUN) pada Mei lalu, iaitu berkaitan pengurusan bangunan dan hak milik strata.

Menurutnya, walaupun beberapa bulan telah berlalu sejak kedua-dua enakmen itu diluluskan, pelaksanaannya masih belum dibuat sepenuhnya.

"Ini juga merupakan persoalan yang kami mahu kementerian jawab," katanya.

Pihaknya berharap sidang media berkenaan dapat membuka ruang kepada pihak pemaju untuk tampil mengadakan perbincangan secara aman bersama semua penduduk bagi mencari penyelesaian terhadap isu yang dibangkitkan.

Sementara itu, salah seorang penduduk, Tony Koh berkata, pihak pemaju dan pengurusan wajar mengambil kira kesukaran yang bakal dihadapi para penduduk yang terjejas susulan cadangan pemindahan petak parkir ke tingkat lima.

"Petak parkir di tingkat lima berkenaan merupakan kawasan terbuka dan tidak berbumbung sepenuhnya, sekali gus menyebabkan kenderaan terdedah kepada cuaca panas dan hujan.

"Keadaan itu dikhuatiri memberi kesan kepada kenderaan penduduk dalam jangka panjang," katanya.

Selain isu parkir, Tony turut membangkitkan masalah bunyi bising akibat kerja pengubahsuaian premis perniagaan yang dilakukan pada waktu malam.

Menurutnya, pihak kontraktor dinasihatkan pemaju supaya hanya menjalankan kerja selepas jam 10 malam, selepas operasi pusat beli-belah ditutup.

Katanya, kerja pengubahsuaian itu berkemungkinan berlanjutan sehingga tengah malam atau awal pagi, sekali gus menjejaskan waktu rehat penduduk.

"Saya seorang yang tidur awal dan keadaan ini amat menyukarkan saya. Kadang-kadang saya terkejut apabila terdengar bunyi bising dan selepas terjaga, sukar untuk tidur semula," katanya.

Dalam pada itu, Tony turut membangkitkan isu hak milik strata yang menurutnya masih belum diselesaikan selepas lebih 15 tahun.

Beliau berkata, pihaknya telah mendapatkan penjelasan daripada Jabatan Tanah dan Ukur Sabah berhubung perkara itu, termasuk bertemu dengan pegawai kanan jabatan berkenaan pada tahun lalu.

Katanya, pihak pemaju masih belum mengemukakan permohonan bagi hak milik strata.

"Saya terkejut dan amat kecewa kerana selepas lebih 15 tahun, permohonan hak milik strata masih belum dibuat oleh pemaju," katanya.

Tony turut dimaklumkan sebahagian tanah berkaitan mempunyai isu melibatkan pihak kementerian berkaitan.

Katanya, sekiranya perkara itu menjadi halangan, beliau berharap pemaju dapat mengadakan rundingan dengan pihak berkenaan bagi mencari jalan penyelesaian.

"Kami berharap pemaju dapat mengambil kira kebajikan penduduk supaya masalah hak milik strata ini dapat diselesaikan," katanya.

Beliau turut menggesa pemaju tampil bertemu dengan penduduk bagi membincangkan isu yang dibangkitkan secara bersemuka.

Katanya, penduduk telah menunggu lebih 15 tahun dan berharap pemaju mengambil inisiatif untuk bertemu mereka serta pihak berkaitan bagi menyelesaikan isu hak milik strata.

"Jangan biarkan kami terus menunggu. Pemaju perlu mengambil inisiatif, bertemu dengan kami dan CKR untuk menyelesaikan perkara ini," katanya.

Tony turut meminta supaya penduduk dirujuk sekiranya terdapat sebarang cadangan pengubahsuaian atau lanjutan pembangunan yang memberi kesan kepada mereka.

"Kami mahu keadaan menang-menang. Jangan hanya satu pihak mendapat manfaat sedangkan kami mengalami kerugian," katanya.

Beliau berkata, sebagai pelanggan, penduduk berharap pemaju mengambil pendekatan yang lebih berperikemanusiaan serta mempertimbangkan kepentingan dan kesejahteraan mereka.

Tony berkata, pihak pemaju juga perlu mengambil kira tanggungjawab sosial korporat serta menjaga hubungan baik dengan penduduk.

"Hubungan adalah dua hala. Jika kamu menghormati kami, kami akan lebih menghormati kamu. Kami bersuara supaya keadaan dapat diselesaikan secara menang-menang," katanya.

Mengenai pemindahan parkir ke tingkat lima, Tony berkata, lokasi baharu itu lebih jauh berbanding parkir sedia ada di tingkat tiga dan memerlukan penduduk menggunakan lif tambahan.

Beliau berkata, keadaan itu juga boleh menyukarkan golongan warga emas dan orang kurang upaya.

"Jangan menyusahkan warga emas dan orang kurang upaya. Pertimbangkan keadaan mereka dengan mengambil kira aspek kemanusiaan," katanya.

Beliau berharap pemaju dapat mempertimbangkan penduduk sebagai pelanggan serta mengambil kira kesukaran yang bakal mereka hadapi sebelum sebarang perubahan dibuat.

"Kami berharap ada kesedaran dan pertimbangan daripada pihak pemaju," katanya.

Mangsa buli perlu berani bersuara, lapor kejadian

Oleh Yap Siong Han

KOTA KINABALU: Murid dan pelajar yang menjadi mangsa buli, gangguan seksual serta salah laku diminta untuk berani melaporkan kejadian itu kepada guru, ibu bapa dan pihak berkuasa dengan segera.

Timbalan Pengarah Sektor Pembangunan Murid, Jabatan Pendidikan Negeri Sabah, Muddin Beting berkata, mangsa buli perlu tegakkan kebenaran dan keadilan agar rakan-rakan yang lain tidak menjadi mangsa buli di masa hadapan.

"Dapatkan segera bantuan untuk diselamatkan... kebenaran adalah melakukan perkara yang benar.

"Jangan sesekali membuli, menghina, mengutuk rakan sekolah kerana setiap insan mempunyai kemuliaannya," katanya semasa merasmikan Program Kesedaran Aerobeat Bully 2026 anjuran Majlis Tindakan Pengguna Negara (MTPN) Cawangan Sabah, di sini semalam.

Beliau berkata, tidak dinafikan masyarakat negeri ini mempunyai perbezaan latar belakang. Tetapi semua mempunyai persamaan iaitu berpegang kepada nilai yang baik, amalan universal yang dipersetujui oleh semua tamadun dalam dunia ini.

Menurutnya, setiap lapisan masyarakat perlu menjadi warganegara yang baik.

"Sekolah sepatutnya menjadi tempat pembangunan insan, murid dan pelajar tidak boleh hadir ke sekolah dengan perasaan bimbang akan keselamatan mereka disebabkan ancaman buli.

"Jabatan Pendidikan Negeri Sabah memuji MTPN Sabah yang berjaya melaksanakan program kesedaran ini," katanya.

Beliau juga berharap program itu menjadi pencetus perkara positif sehingga seluruh negeri dan pihaknya akan terus memberikan sokongan kepada MTPN Sabah untuk penganjuran program seumpamanya.

Sementara itu, Pengerusi MTPN Youth Sabah, Calvin Choo berkata, setiap pelajar dan murid mempunyai hak untuk merasakan suasana yang selamat pada setiap waktu.

Katanya, penganjuran diadakan adalah untuk menyampaikan mesej kepada semua pihak agar ancaman buli tidak boleh mendapat tempat di sekolah atau dalam masyarakat.

"Kebenaran adalah yang menghormati, membantu rakan, berani bersuara apabila sesuatu yang negatif berlaku.

"Saya berharap mesej ini tidak hanya berakhir dalam program ini, sebaliknya disebarkan ke sekolah-sekolah setiap murid dan pelajar yang hadir pada hari ini," katanya.

Hadir sama dalam majlis itu ialah Yang Dipertua MTPN Sabah merangkap Naib Presiden MTPN Kebangsaan, Kevin Lo dan Ahli Penasihat Undang-Undang MTPN Sabah, Chin Tek Ming.

KENANGAN: Para tetamu kehormat dan penaja merakamkan gambar kenangan pada majlis itu.

Ranau semakin berkembang sebagai pusat perniagaan

Oleh Hamzah Sanudin

RANAU: Ranau kini semakin berkembang sebagai daerah yang mempunyai potensi besar dalam sektor perniagaan, sekali gus mencerminkan perkembangan ekonomi dan pembangunan yang semakin rancak.

Timbalan Ketua Menteri yang juga Menteri Kewangan, Datuk Seri Panglima Masidi Manjun berkata, keyakinan pengusaha tempatan dan luar daerah memilih Ranau sebagai lokasi perniagaan menunjukkan daerah berkenaan semakin mendapat perhatian pelabur dan usahawan.

Beliau berkata, pertambahan aktiviti komersial di Ranau membuktikan daerah itu mempunyai prospek ekonomi yang baik selain menjadi tumpuan penduduk dan pelancong.

"Pemilihan daerah ini sebagai lokasi perniagaan membuktikan Ranau mempunyai ekonomi yang baik, selain menjadi tumpuan penduduk dan pelancong.

"Pada masa sama, pengusaha perlu memastikan mutu produk serta perkhidmatan sentiasa berada pada tahap terbaik bagi menjamin kelangsungan perniagaan," katanya ketika merasmikan pembukaan Kopi Saigon x Nasi Kak Wok Jee Harris di Pekan Ranau, pada Sabtu.

RASMI: Masidi ketika hadir merasmikan pembukaan Kopi Saigon x Nasi Kak Wok Jee Harris di Pekan Ranau.

Masidi yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Karanaan berkata, aspek perkhidmatan perlu diberi keutamaan kerana layanan baik kepada pelanggan menjadi antara faktor penting dalam memastikan sesebuah perniagaan terus mendapat kepercayaan pengguna.

Menurutnya, penyediaan makanan yang memenuhi standard ditetapkan juga penting bagi memberikan pengalaman serta nilai sewajarnya kepada pelanggan.

Beliau berharap kehadiran pelbagai perniagaan berjenama di Ranau dapat menjadi contoh dan inspirasi kepada usahawan tempatan untuk terus berinovasi, meningkatkan daya saing serta meneroka peluang perniagaan di daerah lain di Sabah.

Katanya, perkembangan sektor perniagaan di Ranau bukan sahaja memberi lebih banyak pilihan kepada pengguna, malah berpotensi membuka peluang pekerjaan dan merancakkan ekonomi masyarakat setempat.

"Pertambahan aktiviti komersial di Ranau bukan sahaja memberi lebih banyak pilihan kepada pengguna, malah mewujudkan peluang pekerjaan serta merancakkan ekonomi masyarakat setempat," katanya.

Kerja ubah suai ganggu ketenteraman, penduduk buat laporan polis

KOTA KINABALU: Penduduk sebuah kediaman servis mewah bersebelahan dengan pusat beli-belah terkenal di sini membuat laporan polis berhubung kerja-kerja ubah suai yang mengganggu ketenteraman.

Penduduk kediaman itu, Tony Koh berkata, kerja-kerja ubah suai dijalankan kontraktor pada Ahad mengganggu ketenteraman dan kesejahteraan waktu rehat penduduk yang berehat pada hujung minggu.

Dalam laporan polis berkenaan, Tony menyatakan bunyi bising yang sangat kuat berlaku kira-kira pada jam 9.30 pagi berhampiran Blok B, Tingkat 3, kediaman servis mewah berkenaan.

Beliau mendakwa bunyi berkenaan dipercayai berpunca daripada kerja-kerja ubah suai di lot parkir di Tingkat 3 atau 4 pusat beli-belah terkenal itu.

Katanya, kerja-kerja itu bukan sahaja mengganggu waktu rehatnya, malah turut menjejaskan ketenteraman penduduk di kawasan sekitar.

"Saya sebagai penduduk yang tinggal di kawasan ini membuat aduan kepada polis supaya kerja-kerja itu dihentikan kerana ia mengganggu waktu rehat saya pada hari Ahad.

"Kerja-kerja seperti ini tidak sepatutnya dijalankan pada hari Ahad kerana mengganggu ketenteraman penduduk yang sedang berehat," katanya dalam kenyataan, di sini semalam.

Susulan kejadian itu, Tony menghubungi pihak polis dan meminta anggota bertugas datang ke lokasi untuk memantau keadaan.

Beliau berkata, pihak polis turut menjalankan rondaan di kawasan berkenaan dan mendapati terdapat seorang kakitangan berada di lokasi.

Bagaimanapun jelasnya, ketika individu itu ditanya mengenai siapa yang bertanggungjawab terhadap kerja-kerja itu, individu bertanggungjawab tidak dapat ditemui di lokasi.

"Apabila polis tiba, pekerja di lokasi berkenaan sudah tiada. Pihak polis kemudiannya menasihati saya supaya membuat laporan polis secara rasmi," katanya.

Tony berkata, laporan polis yang dibuat di Balai Polis Kepayan sebagai rujukan berhubung kejadian berkenaan.

Beliau turut memuji keprihatinan pihak polis yang hadir membuat rondaan di lokasi walaupun mempunyai jadual tugas yang padat.

"Saya memuji keprihatinan pihak polis yang hadir untuk membuat rondaan walaupun jadual tugas mereka padat. Mereka hadir untuk membantu menyelesaikan masalah ini," katanya.

Menurutnya, laporan itu dibuat untuk menjadi rujukan kepada pihak pengurusan pusat beli-belah berkenaan supaya mengambil tindakan sewajarnya terhadap kerja-kerja ubah suai yang dijalankan.

Beliau berharap pihak pemaju dan pengurusan pusat beli-belah berkenaan dapat mengambil tindakan serta memastikan kerja-kerja ubah suai berkenaan tidak dijalankan pada hari Ahad bagi menjaga ketenteraman dan keselesaan penduduk yang tinggal berhampiran lokasi itu.

LAPORAN: Tony mengemukakan laporan polis yang dibuat susulan kerja-kerja ubah suai dilakukan yang menjejaskan ketenteraman penduduk.*